

Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 2015**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2016

Hakcipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Reka letak/Kompilasi
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Norhafilah binti Rosli

Kulit Luar
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Dicetak oleh
Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd

ISBN
978-99917-49-92-1 (Kulit Lembut)

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2015	1-4
Titah Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada hari Jumaat, 12 Rabiulawal 1436 Hijrah / 2 Januari 2015 Masihi	5-7
Titah di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-12 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Perkhemahan Sungai Akar pada hari Khamis, 15 Rabiulakhir 1436 Hijrah / 5 Februari 2015 Masihi	8-10
Titah di Majlis Santap Negara bagi meraikan Tuan Yang Terutama Joko Widodo, Presiden Republik Indonesia di Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 17 Rabiulakhir 1436 Hijrah / 7 Februari 2015 Masihi	11-13
Titah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31 pada hari Ahad, 4 Jamadilawal 1436 Hijrah / 22 Februari 2015 Masihi	14-17

Titah di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan pada Hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah / 5 Mac 2015 Masihi	18-20
Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a Banquet in Honour of the Official Visit of His Excellency General Prayut Chan-ocha, Prime Minister of the Kingdom of Thailand at Istana Nurul Iman, Wednesday, 25 th March 2015	21-23
Titah Khas Sempena Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong pada hari Selasa, 10 Jamadilakhir 1436 Hijrah / 31 Mac 2015 Masihi	24-28

Titah Sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis (Malam Ketiga) pada 11 Rejab 1436 Hijrah / 30 April 2015 Masihi	29-31
Titah di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 27 Rejab 1436 Hijrah / 16 Mei 2015 Masihi	32-34
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-54 di Padang Kawad, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Perkhemahan Penanjong, Tutong pada Hari Ahad, 13 Syaaban 1436 Hijrah / 31 Mei 2015 Masihi	35-37
Titah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Tahun 1436 Hijrah /2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Jumaat (Malam Sabtu) 17 Ramadan 1436 Hijrah / 3 Julai 2015 Masihi	38-40
Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Istana Nurul Iman	41-44

Titah Perutusan Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada hari Rabu, 19 Syawal 1436 Hijrah / 5 Ogos 2015 Masihi	45-47
Titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-69 di Istana Nurul Iman pada 30 Syawal 1436 Hijrah / 15 Ogos 2015 Masihi	48-51
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Selasa, 17 Zulkaedah 1436 Hijrah / 1 September 2015 Masihi	52-54
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-27 UBD 2015 di Dewan Canselor, UBD pada hari Rabu, 25 Zulkaedah 1436 Hijrah / 9 September 2015 Masihi	55-57

Titah di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis (Malam Ketiga), 4 Zulhijjah 1436 Hijrah / 17 September 2015 Masihi	58-59
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-25 Bagi Tahun 1436 Hijrah /2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu, 9 Zulhijjah 1436 Hijrah / 23 September 2015 Masihi	60-62
Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi	63-65
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sempena Majlis Konvoquesyen KUPU SB Kali Ke-5 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 26 Zulhijjah 1436 Hijrah / 10 Oktober 2015 Masihi	66-69
Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1437	70-72

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sempena Majlis Haflut Takharuj Ke-5 UNISSA Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 4 Muharam 1437 Hijrah / 17 Oktober 2015 Masihi	73-75
Titah Mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru pada hari Khamis, 9 Muharam 1437 Hijrah / 22 Oktober 2015 Masihi	76-80
Titah di Majlis Konvoquesyen Kali Ketiga Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-24 Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 18 Muharam 1437 Hijrah / 31 Oktober 2015 Masihi	81-83
Titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2015 Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 di Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Isnin, 27 Muharram 1437 Hijrah / 9 November 2015 Masihi	84-86

Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam kali Ke-22 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 12 Safar 1437 Hijrah / 24 November 2015 Masihi 87-89

Titah di Majlis Bersama Rakyat Dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United Kingdom Dan Northern Ireland dan Penganugerahan Biasiswa “The Chancellor’s Scholar” Universiti Brunei Darussalam Bagi Sesi 2015/2016, London, United Kingdom pada hari Ahad, 1 Rabiulawal 1437 Hijrah / 13 Disember 2015 Masihi 90-92

Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi pada hari Rabu, 12 Rabiulawal 1437 Hijrah / 23 Disember 2015 Masihi 93-95

Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2015

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita di negara ini di sepanjang tahun Masihi 2014 telah dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan. InsyaaAllah kita akan terus melipatgandakan usaha untuk mempertahankan keamanan tersebut di sepanjang tahun Masihi 2015 pula.

Dengan memasuki Tahun Masihi 2015, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran Wawasan Negara 2035. Dalam kira-kira 20 tahun itu bukanlah satu tempoh yang lama. Kita tidak mempunyai banyak ruang untuk berlengah-lengah lagi. Kita mesti ada sikap dan pemikiran yang lebih progresif.

Dalam jentera kerajaan, beta telah pun memperkenankan sokongan Majlis Tertinggi Wawasan 2035 untuk melantik peneraju-peneraju bagi strategi-strategi yang telah dikenalpasti dalam Wawasan 2035 dan beberapa tambahan strategi-strategi baru. Peneraju-peneraju tersebut terdiri daripada Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri yang bertanggungjawab terhadap bidang masing-masing.

Setiap peneraju adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti matlamat-matlamat strategik, menyediakan dan melaksanakan pelan-pelan tindakan ke arah pencapaian Wawasan 2035, insyaaAllah.

Semuanya itu perlu disejajarkan melalui Majlis Tertinggi Wawasan 2035 bagi mengelakkan sebarang duplikasi serta bagi meraih impak dan keberkesanan optima.

Secara spesifik, pada misalnya di bidang pendidikan, beta adalah mengalu-alukan rancangan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan strategi jangka sederhana dan panjang bagi memastikan kehadiran penuh kanak-kanak ke sekolah dan juga untuk memperolehi keberkesanan berganda bagi pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah dan seterusnya.

Kita telah menetapkan sasaran yang tinggi dengan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada pelajar kita akan mendapat gred 'A' hingga 'C' dalam Penilaian Sekolah Rendah tahun 2017. Dalam masa yang sama kita berharap usaha tersebut akan dapat membantu semua murid-murid di peringkat tersebut untuk memperolehi kejayaan yang lebih baik.

Bagi maksud ini penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib patutlah dikukuhkan lagi. Dengan cara ini diyakini akan dapat membantu melahirkan generasi yang lebih berdisiplin dan dinamik.

Dalam bidang ekonomi, Jabatan Perdana Menteri adalah sedang menyediakan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh semua sektor ekonomi berdasarkan *trajektori* yang realistik bagi mencapai tonggak ekonomi dalam Wawasan 2035. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan dua fokus utama.

Fokus pertama masih saja tertumpu kepada usaha mempelbagaikan ekonomi daripada banyak bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas. Fokus kedua pula ialah untuk meningkatkan produktiviti.

Menyentuh mengenai isu produktiviti ini, kita masih saja mempunyai ruang yang sangat besar untuk memperbaikinya sama ada di peringkat sektor swasta mahu pun di sektor awam. Selain berkait rapat dengan penjanaaan kapasiti atau *capacity building* dan penggunaan teknologi, ia juga banyak bergantung kepada aspek tabiat dan disiplin semua peringkat dalam usaha menyumbang kepada peningkatan produktiviti organisasi masing-masing.

Mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi pula, sebagai usaha berterusan untuk memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat merancang satu badan khas bagi membantu usahawan-usahawan tempatan kita.

Badan ini akan berperanan membina kapasiti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana supaya usahawan-usahawan tempatan boleh berkembang dan bersaing dalam pasaran di dalam mahupun luar negara.

Beta berharap kita akan sama-sama menikmati dan meraih peluang-peluang yang ada apabila kita merealisasikan Komuniti ASEAN pada penghujung tahun 2015 nanti.

Mengenai kualiti kehidupan, beta adalah mahu supaya pihak berwajib akan lebih tangkas dan cekap dalam menangani peningkatan bilangan jenayah yang berlaku sejak dari beberapa tahun kebelakangan ini.

Ini termasuklah jenayah bunuh, rompak dan curi. Tangani semuanya itu dengan bersungguh-sungguh dan tegas. Sekat ia daripada berlaku dan jika sudah berlaku cari mereka sampai tertangkap.

Lagi mengenai kualiti kehidupan ialah kesihatan. Berdasarkan hasil kajian, kesihatan di negara ini masih lagi membimbangkan. Kanak-kanak di bawah umur lima (5) tahun pada misalnya, ramai dari mereka itu mengalami masalah berat badan (*obesity*). Ini mungkin saja berpunca dari antaranya kerana kurang mendapatkan pemakanan sihat seperti buah dan sayur-sayuran. Jika ini benar maka pihak berkenaan dan ibu bapa adalah penting untuk mengambil perhatian serta langkah bagi mengatasinya.

Kajian juga turut menunjukkan bahawa lebih dari 50% kaum bapa adalah masih merokok dan merokok itu pula dilakukan di dalam rumah dan di dalam kenderaan. Selain merosakkan diri sendiri mereka yang merokok ini juga sebenarnya telah mendedahkan ahli keluarga mereka kepada bahaya sangat buruk akibat dari asap rokok.

Ini semua memberi gambaran bahawa kita dalam hal mengamalkan cara hidup sihat belum lagi memuaskan.

Masyarakat masih perlu diberi pendidikan dan bimbingan, termasuk 'Pendidikan Pencegahan' bagi yang melanggar undang-undang dan hukum ugama seperti terhadap perokok-perokok yang tidak menghiraukan amaran-amaran pihak berkuasa. Beta ingin mengingatkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya jangan hanya

bercakap tetapi bertindaklah dengan tegas dan konsisten sehingga tumpas kelakuan dan perbuatan melanggar undang-undang ini.

Akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam serta Pasukan-Pasukan Keselamatan, termasuk mereka yang bertugas di luar negara dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta di atas usaha-usaha ikhlas mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi kesejahteraan negara.

Beta dan kaum keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2015 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat dan perlindungan-Nya kepada kita semua dan negara. Ameen Yaa Rabbal 'Aalameen.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Sambutan Maulidur Rasul
Sallallahu 'Alaihi Wasallam
Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi
pada hari Jumaat, 12 Rabiulawal 1436 Hijrah /
2 Januari 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di negara ini dapat pula bersama-sama menyambut Maulidurrasul Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang sudah barang tentunya akan membawa kepada keberkatan bagi kita dan negara. Menyambut Maulidurrasul merupakan tradisi yang terus menerus berkembang di sepanjang zaman. Ia dilakukan sebagai mengenang siapa baginda itu, seorang Nabi dan Rasul dan penyelamat kepada dunia dan umat manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menyifatkan baginda sebagai rahmat bagi seluruh alam sama ada alam itu terdiri daripada manusia atau haiwan atau flora dan fauna atau makhluk yang tidak kelihatan atau tumbuh-tumbuhan, semuanya itu sama-sama mendapat rahmat dengan kelahiran baginda ke alam maya ini.

Sebagai tanda kita bersyukur kepada Allah di atas kurnia-Nya mendatangkan rahmat maka sewajarnya rahmat itu kita tatang, kita hormati dan cintai dengan sepenuh jiwa dan raga kita. Caranya bukanlah dengan mendewa-dewakannya atau mendirikan lambang-lambang kenangan untuknya. Tetapi tanda bersyukur sejati ialah dengan mengikut segala sunnah yang diajarkan oleh pembawa rahmat ini. Kita juga dituntut untuk mencintai baginda dan salah satu tanda mudah mencintai itu ialah dengan membanyakkan selawat ke atas baginda. Selawat ini sungguhpun mudah tetapi ganjarannya adalah lumayan. Sekali sahaja berselawat Allah akan membalas dengan sepuluh rahmat.

Namun dalam zaman serba sibuk ini walaupun sesuatu amal soleh itu mudah sahaja untuk dibuat seperti berselawat tetapi sangat senang pula ia dicicirkan disebabkan oleh kesibukan-kesibukan yang membungkus manusia. Tegasnya manusia hari ini sudah kurang tertarik dengan pahala berbanding dengan keseronokan dunia. Apa-apa yang berkilauan di mata itulah yang diutamakan sedang janji akhirat yang belum nampak tidak dapat mengusik hati mereka.

Beta berharap di saat-saat penuh berkat memperingati Maulidurrasul ini kesedaran umat Islam hendaknya akan lebih kuat dan bertambah untuk mengamalkan suruhan-suruhan ugama dari yang wajib sampai kepada yang sunat.

Hanya dengan cara ini sahaja kita akan dapat mengumpul bekalan untuk akhirat kita. Lagi banyak kita beramal lagi besar harapan untuk kita dapat menjawat ganjarannya di akhirat kelak.

Ugama telah pun memberitahu bahawa pahala bagi amal soleh itu adalah hebat-hebat belaka. Bukan sahaja amalan wajib malah amalan sunat juga tidak kurang hebatnya. Misalnya cuma kerana dua rakaat Sembahyang Sunat Subuh sahaja pun pahalanya adalah lebih baik dari dunia dan segala isi di dalamnya, betapa dengan fardunya?

Beta menyeru kepada pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan supaya menggandakan lagi penerangan dan dakwah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan amal soleh ini.

Khasnya di kalangan guru-guru ugama ambillah peluang bagi menghidupkan semangat suka beramal kepada kanak-kanak kerana di peringkat ini naluri mendengar dan menerima itu adalah cukup terbuka, sekali dua sahaja menyebutnya akan terus rakat atau melekat.

Inilah di antara tujuan besar Sistem Wajib Ugama diadakan. Kita mahu biar anak-anak kita itu benar-benar kenal serta memahami apa itu dosa dan pahala. Nanti apabila mereka sudah cukup kenal dan faham maka insyaaAllah inilah asasnya anak-anak itu akan jadi anak-anak yang soleh yang suka kepada amal soleh dan ibadat.

Mereka ini akan jadi generasi penerus yang baik. Jika kita tidak menyiapkan mereka dari sekarang, masa depan Brunei akan mengalami kesukaran berdasarkan zaman adalah semakin rosak, akan lebih pantas untuk membawa kita ke jurang kerosakan.

Menyebut tentang zaman rosak ini menjadikan kita amat diperlukan untuk berhati-hati. Kerana virus kerosakan itu bukanlah mudah untuk dikawal. Ia boleh menjangkiti apa saja. Ia boleh mencemari pegangan beragama, mencemari pendidikan, mencemari budaya dan lain-lain.

Hari ini kita masih senang tanpa gangguan tetapi esok-esok siapa tahu gangguan itu datang dari anasir-anasir yang tidak diundang? Anasir-anasir yang tidak diundang itu boleh saja terdiri daripada makhluk bernyawa dan malah boleh juga berupa ledakan-ledakan pemikiran atau ideologi atau aliran yang tidak senada dengan Brunei.

Ini semua mustahak diperinci daripada sekarang dan apa-apa persediaan yang perlu untuk menghadapinya.

Pada hemat beta persediaan satu-satunya yang paling mustahak ialah dengan memastikan dasar dan tidak menyimpang konsep Melayu Islam Beraja.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan
Ke-12 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan,
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,
Perkemahan Sungai Akar
pada hari Khamis, 15 Rabiulakhir 1436 Hijrah /
5 Februari 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, dengan izin Allah jua dapatlah kita hadir di
Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-12, Sekolah Pegawai
Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
(ABDB) ini.

Syabas kepada Pegawai-Pegawai Kadet di atas persembahan
perbarisan yang sangat baik dan kemas. Beta percaya semua yang
hadir di sini juga turut berbangga dengan persembahan tersebut.

Di ketika yang sama kita juga bersyukur kerana kesemua 22 orang
Pegawai Kadet dari Pengambilan Ke-12 akan menamatkan latihan
mereka. Beta ucapkan tahniah kepada mereka itu.

Pegawai-pegawai ini wajar diberikan penghargaan kerana
keberanian mereka menyahut cabaran kerjaya tentera.

Latihan ketenteraan selama 48 minggu tidak diragukan lagi
adalah penuh dengan ranjau dan liku.

Namun nilainya sebagai *life changing experience* adalah cukup
positif untuk mencorakkan kepimpinan sejati.

Perlu diingat setiap orang adalah pemimpin dan bertanggungjawab
ke atas pimpinannya.

Pemimpin itu pula perlulah tabah dan tekun kerana sikap tabah dan tekun itu merupakan pemangkin kepada kecemerlangan.

Keterampilan Pegawai-Pegawai Kadet dan generasi muda mengingatkan kita kepada prospek masa depan negara.

Apa tidaknya, bukankah masa depan negara itu lebih bergantung kepada tenaga dan kewibawaan generasi muda? Jika generasi muda memiliki kekuatan fizikal dan rohani maka insyaaAllah kekuatan itu akan tumpah pula kepada bangsa dan negara.

Begitulah sebaliknya jika generasi muda lemah maka akan tergutahlah ketahanan dan keselamatan kita.

Kerana itu tidak disangkal bahawa matlamat kita ialah membentuk generasi muda yang kuat, berilmu dan beriman untuk masa depan negara yang hebat.

Masa depan itu adalah terus menagih kesetiaan dan komitmen Pegawai-Pegawai Kadet. Mereka dikehendaki peka dengan pergolakan semasa dan sentiasa siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak dijangka.

Atas asas inilah beta selalu menekankan supaya usaha meningkatkan tahap ilmu dan kemahiran di kalangan Pegawai-Pegawai Tentera hendaklah sentiasa diutamakan.

Ilmu pengetahuan adalah pemangkin bagi semua keperluan termasuk usaha melahirkan Pegawai-Pegawai Tentera yang berkualiti dan profesional yang celik teknologi dan berdaya saing.

Bagi mereka ini, diperlukan benar-benar untuk menguasai prosedur-prosedur keselamatan sebagai langkah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan dari berlaku.

Usaha pemantapan dan kemahiran jurulatih juga perlu ditingkatkan terus melalui kaedah pengajaran yang terbaik. Pengenalan sistem *Virtual Learning Environment* diharapkan boleh memberi pengalaman baru dalam proses pembelajaran.

Begitu juga pemilihan jurulatih yang berkelayakan bagi seluruh institusi latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sangat diperlukan melalui prosedur pemilihan yang berkesan.

Seperti biasa, beta ingin merakamkan penghargaan kepada para ibu bapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan anak-anak mereka untuk mencapai yang terbaik semasa latihan.

Kejayaan tidak mungkin lengkap tanpa adanya sokongan kuat daripada ibu bapa dan kaum keluarga pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, pegawai-pegawai dan *Colour Sergeant* serta jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga sampai ke penghujungnya.

Dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Raheem, beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 22 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Santap Negara bagi meraikan
Tuan Yang Terutama Joko Widodo,
Presiden Republik Indonesia di Istana Nurul Iman
pada hari Sabtu, 17 Rabiulakhir 1436 Hijrah /
7 Februari 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA dan sekalian rakyat Negara Brunei Darussalam sukacita mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan Ibu Iriana beserta rombongan ke Negara Brunei Darussalam. Beta yakin lawatan bersejarah Tuan Yang Terutama ini akan terus mengeratkan lagi jalinan silaturahim yang sudah sedia wujud di antara kita.

Beta dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan pentadbiran Tuan Yang Terutama demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat kedua buah negara.

Indonesia adalah merupakan antara jiran terdekat Negara Brunei Darussalam. Kedua buah negara telah menikmati persahabatan berasaskan ikatan agama, sejarah, budaya dan bahasa. Ikatan ini tidak akan pupus walaupun masa dan keadaan sering berubah.

Beta gembira persefahaman yang sangat baik telah kita nikmati di semua peringkat.

Hal ini penting bagi menjiwai hubungan kerjasama kita di dalam pelbagai bidang.

Tahap hubungan kerjasama yang ada akan sentiasa dipertingkatkan, dipupuk dan diperkukuhkan terus meliputi kerjasama bidang-bidang ekonomi, tenaga kerja, pertahanan dan pendidikan.

Demikian juga kedua belah pihak telah mengenal pasti beberapa bidang baru yang boleh diteroka bersama.

Rangkaian kerjasama juga boleh merangkumi kerjasama kesihatan dan kerjasama antara Dewan Perniagaan.

Dalam bidang perkhidmatan penerbangan pula, pada masa ini jalur penerbangan ke Bali, Jakarta dan Surabaya adalah turut mempermudah lagi perjalanan rakyat dari kedua buah negara.

Ini bukan sahaja menyumbang untuk sektor pelancongan malahan juga melicinkan perjalanan warga Indonesia yang merupakan sumber tenaga asing terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Di kesempatan ini beta ingin merakamkan penghargaan kepada rakyat Indonesia yang turut terlibat menyumbangkan tenaga dan kepakaran mereka dalam pembangunan dan perkembangan negara ini.

Indonesia juga adalah merupakan antara rakan kongsi perdagangan yang penting bagi Negara Brunei Darussalam.

Beta juga berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam bidang pertahanan. Latihan ketenteraan di antara anggota tentera kita cukup memberi peluang untuk bertukar-tukar maklumat serta menambahkan lagi pengalaman masing-masing.

Di bidang pendidikan, kerjasama dua hala telah berjalan dengan baik dan beta pada kesempatan ini ingin mengalu-alukan lebih ramai lagi penuntut Indonesia melanjutkan pengajian mereka di negara ini.

Pada tahun ini kita negara-negara ASEAN akan mara ke hadapan untuk merealisasikan Komuniti ASEAN 2015.

Beta percaya Negara Brunei Darussalam dan Indonesia akan terus berganding bahu membina Komuniti ASEAN menjadi kenyataan berasaskan tiga tonggak utama iaitu ekonomi, kemantapan politik dan budaya.

Adalah penting bagi kita sebagai rakyat ASEAN untuk terus bekerjasama dalam mengekalkan ASEAN selaku sebuah pertubuhan yang relevan yang sentiasa sepakat dalam menangani cabaran-cabaran mendatang.

Untuk akhirnya terima kasih sekali lagi beta ucapkan kepada Tuan Yang Terutama, Ibu Iriana serta rombongan di atas lawatan ini.

Beta berharap dan percaya ikatan persahabatan yang akrab di antara Brunei dan Indonesia akan terus dipupuk dan disemai untuk manfaat kedua buah negara kita.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31
pada hari Ahad, 04 Jamadilawal 1436 Hijrah /
22 Februari 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat meraikan pula Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31.

Pada tahun ini kita masih saja dalam tema: “Generasi Berwawasan” untuk sambutan Hari Kebangsaan kita yang ke-31.

Tema ini cukup sesuai untuk diteruskan kerana hakikatnya kita adalah masih dalam usaha untuk merealisasikan wawasan negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Untuk berjaya, generasi penerus perlulah berwawasan dengan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Di antara cabaran itu ialah memelihara keamanan, suatu kurnia daripada Allah yang pada sekian lamanya telah kita nikmati bersama-sama. Dengan adanya keamanan tersebut maka dapatlah kita menjalani kehidupan ini dengan penuh selesa serta dapat juga menyusun dan melaksanakan pelbagai rancangan kemajuan sehingga kemudiannya menghasilkan buah yang lazat berupa kemakmuran dan kesejahteraan.

Bercakap mengenai keamanan juga beta ingin menekankan di sini bahawa ianya adalah tanggungjawab semua pihak bukan diserahkan kepada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi penguatkuasaan sahaja. Malah orang ramai juga adalah perlu memberikan kerjasama yang erat dan padu.

Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu-bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar-umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu.

Pendidikan generasi muda di rumah dan di sekolah juga jangan diabaikan. Kerana pendidikan itu terutama pendidikan ugama adalah tonggak untuk memperolehi kekuatan.

Keamanan juga turut berkait rapat dengan kemajuan ekonomi. Realitinya kita ini adalah terdedah kepada persaingan sengit dalam konteks globalisasi, perhubungan cyber dan inovasi.

Persaingan ini terbuka luas dalam bentuk perdagangan bebas, pelaburan langsung luar negeri, pasaran tenaga manusia, kemajuan keusahawanan dan perhubungan *online*.

Kerana itu kita perlu mempunyai daya saing yang tinggi melalui nilai-nilai, sikap dan pemikiran untuk menjadikan kita mampu berdikari dan menyara kehidupan tanpa banyak bergantung kepada bantuan-bantuan.

Untuk itu kita mesti cepat berubah dan membuat adaptasi yang bersesuaian supaya kita tidak terus tertinggal di belakang.

Suatu keperluan mesti diceburi ialah amalan berjimat cermat dan menjadikannya budaya. Budaya ini adalah satu nilai penting yang perlu dipupuk oleh semua pihak. Lebih-lebih lagi di saat-saat pendapatan berkurangan.

Kebergantungan ekonomi kepada satu sektor sahaja adalah dianggap tidak berdaya-tahan. Kita perlu mempelbagaikan ekonomi sebagai persiapan menutupi masa-masa sukar yang tidak diduga.

Antara cara berkesan melipatgandakan usaha ialah dengan menarik lebih banyak pelaburan langsung luar negeri (FDI) dalam sektor bukan minyak dan gas, memperbaiki suasana pelaburan dan perusahaan, mempermudah tata cara penubuhan dan perjalanan perusahaan, menyediakan infrastruktur fizikal dan memperkasa modal insan.

Keperluan yang juga tidak usah diabaikan ialah penyediaan tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sektor swasta. Pihak kerajaan telahpun menyediakan dasar dan program untuk memperengkap tenaga tempatan dengan kebolehan dan kemahiran yang diperlukan. Namun tidak ramai yang mahu berlumba untuk mengisikan peluang-peluang yang sedia ada.

Mengapa ini berlaku? Mungkin sahaja kerana mereka belum dapat melepaskan diri dari belenggu *comfort zone* dalam mana kebanyakan anak-anak tempatan kita masih terlalu berharap kepada sektor kerajaan untuk pekerjaan.

Semua ini perlu dicari penyelesaiannya.

Menyentuh mengenai keusahawanan, pada 1 Januari 2015 yang baru lalu beta telah pun memperkenalkan pindaan ke atas Akta Lesen Rampaian (Pindaan) 2015 yang antara lain memperuntukkan bagi Lesen Rampaian digantikan dengan lesen Perniagaan. Alhamdulillah beta mendapat maklum bahawa dengan pindaan tersebut lesen perniagaan sekarang boleh diperolehi dalam tempoh satu hari sahaja. Di samping itu permohonan dan kebenaran bagi pendaftaran syarikat juga boleh dibuat secara *online*. Beta berharap peluang yang terbuka ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh semua generasi muda kita.

Akhirnya beta dengan ikhlas merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan lain-lain Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-31 Hari Kebangsaan dan semua peserta serta petugas yang turut berusaha untuk menjayakan acara ini.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua lapisan rakyat termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam meliputi mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Pembukaan Persidangan Musim
Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara (MMN)
2015 di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara,
Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan
pada hari Khamis, 14 Jamadilawal 1436 Hijrah /
5 Mac 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Bagi Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib di atas pelantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru.

Beta berharap Yang Di-Pertua Majlis akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebaik mungkin demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara dalam melaksanakan peranannya sebagai sebuah institusi penting dalam pembangunan negara.

Di kesempatan ini juga beta juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Datu Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim di atas khidmat bakti tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkannya selama menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Mesyuarat Negara tidak syak lagi berperanan besar memacu pembangunan negara. Menyebut Majlis Mesyuarat Negara dengan sendirinya kita juga akan mahu tahu siapakah ahli-ahlinya. Mereka ini tentu saja tokoh-tokoh yang berkaliber yang mampu untuk mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan. Di antara pendekatan itu ialah penyerapan *positive mindset* kepada rakyat supaya mereka lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman.

Ahli Majlis yang berpandangan jauh, kita yakin akan dapat menghidangkan 'idea-idea besar' mereka untuk kemajuan negara. Penghijrahan *mindset* daripada semata-mata suka bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha adalah suatu kelebihan yang perlu dihuraikan oleh majlis ini. Kita adalah dikehendaki peka dengan situasi yang ada hari ini khasnya dalam perkara ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara seperti harga minyak yang jauh merudum. Situasi ini sepatutnya akan menambahkan lagi keazaman kita untuk lebih memperkukuh aset-aset atau *fundamental* ekonomi negara.

Di antara usaha pengukuhan itu termasuklah memperkasa sektor awam dengan menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti di dalam perkhidmatan untuk orang ramai. Demikian juga ia sangat diperlukan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif.

Dari aspek kewangan kita juga perlu mengekalkan dasar kestabilan fiskal atau *fiscal stability* terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money*. Dengan amalan seperti ini insyaaAllah akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan dan mampu untuk menabung lebih pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan di saat yang memerlukan. Perkara ini juga perlu berlaku dalam pengurusan perbelanjaan di peringkat individu dan keluarga.

Di bidang pekerjaan pula, perhatian perlulah bulat untuk menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada, kita mesti mengkaji dengan saksama di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu? Di sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara berapa banyak peluang atau jawatan penting yang masih dimonopoli oleh pekerja-

pekerja asing sekalipun kita telah melalui masa yang begitu panjang. Ini semua tidak patut dipandang dengan sebelah mata sahaja tetapi perlu dipantau dan dimuhasabah.

Beta melihat perkara ini juga turut memerlukan perhatian majlis. Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan. Ia mustahak seimbang dalam makna ia tidak boleh diceburi hanya oleh segelintir pihak tertentu sahaja tetapi biarlah ramai kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan.

Para usahawan mesti bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing. Tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak. Semua ini beta timbulkan ialah bagi menarik perhatian majlis supaya tetap fokus kepada perkara-perkara besar dan mencabar bukannya yang membawa kita leka dan lemah.

Akhirnya beta menyeru kepada semua pihak yang berkenaan supaya dalam memeduli semua permasalahan rakyat dan penduduk kita hendaklah mengambil perspektif yang benar-benar diyakini dapat menolong memajukan mereka. Apa jua isu atau permasalahan kita tangani ia dengan baik melalui perundingan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a
Banquet in Honour of the Official Visit of His Excellency
General Prayut Chan-ocha, Prime Minister of the
Kingdom of Thailand
at Istana Nurul Iman, Wednesday, 25th March 2015**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Your Excellency

Prime Minister General Prayut Chan-ocha;

Excellencies;

Ladies and Gentlemen.

At the outset, I wish to extend our deepest respects and best wishes to His Majesty King Bhumipol (phumipon), Her Majesty Queen Sirikit and members of the Thai Royal Family for their continued good health and happiness.

Your Excellency,

My Government and people also join me in welcoming you Prime Minister and Madam and your delegation to Brunei Darussalam.

Your visit allows us to return the kind hospitality extended to us on past occasions when we visited your country.

I valued our discussions today during which we touched on various matters of mutual interest to our own countries and our future relations.

Your Excellency,

Our two countries have enjoyed a firm friendship for more than 30 years since Brunei Darussalam's Independence in January 1984.

Thai nationals have played an important role in our national development from our earliest years as a sovereign nation until today and they continue to actively contribute to our nation's progress.

The regular exchanges between our officials, private sectors and people also reflect the mutual trust and confidence that we share at all levels.

Our cooperation covers trade and investment as well as education where exchanges between our universities and schools have fostered a deeper understanding of each other's history and culture.

Thailand is also an important partner in Brunei's food security efforts.

For decades we have been importing rice from Thailand and now nearly 90% of our rice requirement is from your country.

We thank you and the Government of Thailand for your continued support in this matter.

Your Excellency,

Looking ahead, I believe Thailand will continue to be a valuable partner especially as we worked towards our aspirations for Brunei's Vision 2035.

This is why the M-O-U on Agricultural Cooperation we signed today will be a valuable tool as we move forward.

I urge our officials to fully utilise such mechanisms by sharing their expertise and experience and to extend their work to other areas such as fisheries and aquaculture.

I am also pleased to see the interest shown by Thailand in our halal food industry and hope that these early discussions will lead to more concrete projects.

We also look forward to your support in the Brunei bio-Tech and Food conference this coming May.

Your Excellency,

As one of ASEAN's founding members, Thailand has witnessed our organisation's growth from the very beginning.

This year is a landmark year for us all and we must maintain the momentum we have built up as we approach the ASEAN Community 2015.

It is important to redouble our efforts to achieve the goals we have set out under the economic, socio-cultural and political-security pillars of ASEAN.

We therefore look forward to working closely with you and your Government in this great endeavour and we are confident that our efforts will succeed in establishing an ASEAN Community that is both cohesive and resilient.

Prime Minister,

We thank you again for visiting us and extended our very best wishes to you and the Government and people of Thailand.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Khas Sempena Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong
pada hari Selasa, 10 Jamadilakhir 1436 Hijrah /
31 Mac 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat meluangkan masa untuk berkunjung ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei dan seterusnya mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai polis pada hari ini.

Polis adalah satu jawatan yang mulia, jawatan yang dihormati oleh segenap lapisan masyarakat.

Polis juga adalah merujuk kepada pasukan yang menjaga keamanan negara, penguatkuasa undang-undang dan dipanggil juga sebagai mata-mata.

Polis itu terdiri dari beberapa bahagian yang dipadankan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti:

1. Polis Hutan iaitu pasukan polis yang ditugaskan untuk menjaga keamanan di bahagian sempadan.

2. Polis Lalu Lintas atau Trafik iaitu pasukan polis yang ditugaskan untuk mengawal keselamatan lalu lintas.

3. Polis Pencegah Rusuhan iaitu pasukan polis untuk mencegah keadaan huru-hara yang berpunca daripada rusuhan atau tunjuk perasaan dan lain-lain.

4. Polis Rahsia iaitu pasukan polis untuk mencari atau mendapatkan rahsia.

Semua kategori ini adalah hebat-hebat belaka dengan tugas dan tanggungjawab mereka pula sangatlah mulia. Kerana itulah kerjaya polis sememangnya wajar untuk dihargai dan dihormati.

Bagaimana ia tidak patut dihargai, bukankah polis itu tunggak harapan bagi semua orang? Semua kita ini tanpa ada kecualinya adalah bergantung harapan kepada polis. Polislah yang mengawal segalanya: mengawal bandar, mengawal desa dan malah mengawal negara berserta isi di dalamnya.

Ini tidak diragukan lagi adalah sebagai satu kelebihan atau keutamaan jawatan polis itu. Kelebihan atau keutamaan ini tidak dimiliki oleh lain-lain jawatan, melainkan hanya tertentu kepada jawatan polis sahaja.

Kerana itu penyandang-penyandang jawatan ini mustahaklah mengekalkan prestasi mereka dan dalam masa yang sama mesti pula mengamalkan sikap tegas dan amanah.

Polis tidak boleh lemah. Sikap dan pendirian mereka mesti kuat, tidak boleh dirayu atau dipujuk-pujuk untuk mendapatkan simpati. Lebih-lebih lagi penjawat polis sama sekali tidak boleh curang terhadap tugasnya.

Bilakah seorang polis itu boleh dianggap curang?

Macam-macam sebab seorang polis boleh dianggap curang seperti tidak bersungguh-sungguh menjalankan tugas dalam makna mengabaikan tugas atau apabila seorang polis melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang padahal polis adalah penguat kuasa undang-undang itu.

Ini sudah banyak berlaku seperti polis menerima atau meminta suapan daripada pesalah-pesalah padahal pada awalnya polis telah bertindak betul dengan menahan pesalah-pesalah itu tetapi sayang dengan tidak malu-malu mengubah pula pendirian mereka untuk menerima atau meminta suapan sebagai balasan bagi melepaskan pesalah daripada dibawa ke pengadilan seperti terhadap pesalah-pesalah lalu lintas umpamanya.

Ada juga yang lebih mengaibkan seperti polis melindungi pesalah-pesalah khalwat dengan menutupi kes tersebut dari dilaporkan sebaik-baik sahaja bersetuju menerima suapan daripada pesalah.

Atau satu lagi kes yang paling memalukan ialah apabila polis berpangkat tinggi telah terlibat secara tidak jujur untuk menerima suapan berupa sebuah kereta daripada seorang warga asing yang menjalankan aktiviti haram di negara ini.

Memang amat dikesali apabila pegawai-pegawai polis itu menerima suapan daripada penjenayah atau kumpulan penjenayah sebagai *protection money* bagi melindungi para penjenayah itu daripada diambil tindakan undang-undang.

Dan lebih malang lagi jika polis sendiri turut terbabit secara langsung dengan jenayah atau aktiviti yang tidak bermoral. Perkara seumpama ini boleh saja berlaku atau memang sudah berlaku seperti jenayah judi, jenayah minum minuman keras, jenayah menyeludup barang-barang terlarang dan lain-lain.

Elemen-elemen jenayah seumpama ini jika turut dilakukan oleh polis maka ia akan melemahkan pasukan polis sendiri. Kita khuatir sindrom lemah ini memang sudah berlaku menjangkiti pasukan polis kita, buktinya dari statistik Keadaan Jenayah Tahun 2014, sebanyak 6,824 jenayah telah direkodkan, tetapi cuma 1,228 atau 21 peratus kes sahaja yang berjaya diselesaikan. Mana lagi baki sebanyak 5,596 kes yang tidak didengar ceritanya?

Ini belum lagi mengenai kes-kes berat yang pihak polis belum lagi berjaya memberkas pelaku-pelakunya seperti kes-kes bunuh dan rompak.

Kegagalan menangani kes-kes jenayah ini tidak syak lagi adalah kerana kelemahan jua dan kelemahan itu tentu saja berpunca dari pelbagai sebab seperti anggota-anggota polis kurang cekap, tidak amanah, curang dan tidak berintegriti. Misalnya kes-kes jenayah itu ada yang tidak dapat diselesaikan kerana barang-barang rampasan operasi sering kali dilaporkan hilang sama ada disebabkan kecuaiian atau mungkin juga kerana angkara tangan-tangan yang curang.

Demikian juga banyak kes jenayah tidak dapat diangkat ke mahkamah kerana fail-fail siasatan hilang. Mengapa hilang? Tidakkah mungkin ia senghaja dihilangkan untuk menghapuskan

bahan-bahan bukti siasatan ataupun kerana kecuaiannya pegawai-pegawai penyiasat?

Semua perkara yang disebutkan di atas adalah bukti wujudnya ketidakcekapan, di samping kejadian membabitkan jenayah rasuah: rasuah dalam bentuk benda dan rasuah dalam bentuk penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi. Rasuah tidak syak lagi adalah merbahaya kepada negara. Disebabkan rasuah, jentera kerajaan boleh terganggu. Dan apabila jentera kerajaan terganggu maka khidmat kepada rakyat pun akan tergendala dan apabila khidmat tergendala maka kehidupan yang bahagia yang sekian lama kita nikmati pastinya akan bertukar jadi malapetaka.

Kerana itulah terhadap rasuah itu ugama kita adalah sangat mengutuknya. Allah Subhanahu Wata'ala telah melaknat pemberi dan penerima rasuah serta menjanjikan kepada mereka itu neraka-Nya.

Oleh itu janganlah latih diri mengamalkan rasuah tetapi perangilah rasuah secara habis-habisan. Selamatkan bangsa dan negara dari rasuah. Rasuah adalah penyakit. Rasuah adalah pemusnah kebahagiaan. Mereka yang melakukan rasuah adalah penjenayah. Hukumlah mereka seadilnya.

Menyebut tentang perasuah dihukum, beta suka mengingatkan supaya hukuman itu hendaklah adil. Rasuah biasanya dilakukan oleh dua pihak: penerima dan pemberi. Tetapi yang beta sering dapati dalam siaran-siaran cuma penerima sahaja yang diseret ke pengadilan dan dihukum sementara pemberinya pula tidak kedengaran.

Adakah pemberi itu dilindungi kerana mereka misalnya bertindak memberikan maklumat bahawa mereka telah diminta atau dipaksa oleh si polan supaya memberi suapan lalu dengan itu penerima pun diberkas sementara si pemberi pula dilepaskan begitu saja kerana kita menganggap tindakan mereka memberi maklumat itu adalah satu jasa dalam bentuk kerjasama yang membolehkan mereka berhak untuk diberikan perlindungan?

Kalau ini betul berlaku maka tindakan melepaskan pemberi rasuah dan hanya menghukum penerima rasuah adalah satu tindakan berat sebelah yang tidak menepati prinsip keadilan kerana apa pun keadaan, penerima dan pemberi rasuah adalah sama-sama bersalah dan sama-sama dijanjikan dengan neraka Allah.

Jadi beta berharap perkara ini akan mendapat perhatian sewajarnya dari pihak-pihak berkenaan mengenainya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan
Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Plenary,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Khamis (Malam Ketiga),
11 Rejab 1436 Hijrah / 30 April 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadir di majlis yang berkebjajikan ini, Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah bersamaan 2015 Masihi bagi kali yang Ke-55 tahun.

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam selaku kitab terakhir yang turun ke dunia ini. Ia adalah sangat suci dan agung sehingga dengan membacanya sahaja pun sudah dikira satu ibadat besar, pahalanya sangat lumayan di sisi Allah.

Selain dari membaca juga telah menjadi keutamaan ialah memahami isi kandungannya. Maka untuk itu Kerajaan beta melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengungkapahkan Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya (Edisi lengkap 30 Juzu') yang telah dilancarkan pada tahun 2014 bagi tujuan supaya orang-orang Islam di negara ini dapat menggunakannya sebagai rujukan bagi memahami isi kandungan Al-Qur'an.

Tema musabaqah membaca Al-Qur'an pada tahun ini ialah "Membina Generasi Al-Qur'an". Apakah yang dimaksudkan dengan Membina Generasi Al-Qur'an itu? Maksudnya ialah melahirkan generasi celik Al-Qur'an yang serba serbi celik. Celik dalam makna pandai membaca dan selepas pandai membaca, dikehendaki juga jika boleh untuk menjadi pakar dalam semua bidang ilmu yang berkaitan dengan Al-Qur'an. Inilah maksud Membina Generasi Al-Qur'an yang seideal-idealnya.

Semua ajaran Al-Qur'an adalah untuk mencetuskan amal saleh sementara amal saleh pula menjadi punca kepada 'ganjaran baik' di akhirat.

Salah satu isyarat dari ajaran Al-Qur'an dan juga dari hadis Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam ialah membina masjid iaitu tempat orang-orang Islam beribadat. Amalan membina masjid ini adalah satu 'amal besar' yang mendatangkan ganjaran sangat lumayan.

Bersesuaian dengan ajaran ini dan juga mengambil sukut baik di saat yang penuh berkat maka beta dengan amat sukacita memaklumkan di sini bahawa beta telahpun memperkenankan Penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid dengan mengikut kaedah dan peraturan yang diperuntukkan mengenainya.

Tabung Dana ini akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid. Ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat. Saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal manakala Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda maksudnya: "Barangsiapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga."

Ini ialah janji Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid dan adapun Tabung Dana yang ada ini insya Allah akan memungkinkan kita orang-orang Islam di negara ini untuk berkongsi harapan bagi memperolehi janji tersebut.

Adalah Beta difahamkan semua kutipan yang terkumpul akan dimanfa'tkan sebaiknya untuk membina masjid baru termasuk seperti memperbaiki masjid yang sedia ada dan sebagainya. Namun dalam pada itu tanggungjawab kerajaan dalam perkara membina dan mengurus masjid adalah tetap berjalan sebagaimana biasa.

Akhirnya dalam kesempatan ini Beta sukacita merakamkan tahniah kepada peserta-peserta disemua peringkat pertandingan khasnya peserta yang sampai ke Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini. Kepada peserta Qari dan Qariah yang akan mewakili negara ke Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur nanti, Beta berharap mereka itu akan dapat berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mencapai mutu bacaan yang lebih baik.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj
Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Sabtu, 27 Rejab 1436 Hijrah /
16 Mei 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita hadir di majlis yang berkebakikan ini sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj yang tidak pernah pudar dalam ingatan dan hati kita umat Islam. Peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah cukup untuk memberikan gambaran dan iktibar kepada kita.

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah diundang secara langsung oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menerima perintah melaksanakan sembahyang lima waktu sehari semalam. Ini adalah berbeza dengan ibadat-ibadat lain yang disyariatkan melalui khidmat Malaikat Jibril 'Alaihissalam.

'Sembahyang Adalah Penyelamat Kita'. Demikian bunyi tema Sambutan Isra' dan Mi'raj pada tahun ini. Ia sangat berkaitan dengan usaha kita untuk membina atau membangun generasi yang berakhlak mulia dan beramal soleh. Ibadat sembahyang adalah jaminan ke arah itu sebagaimana Allah telah menegaskan perkara ini dalam Surah Al-'Ankabut ayat 45, tafsirnya: *"Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar"*.

Firman Allah ini adalah isyarat bahawa ibadat sembahyang itu adalah benar-benar berperanan sebagai penyelamat, bukan sahaja menyelamatkan diri kita daripada api neraka malahan juga menyelamatkan umat daripada terjerumus kepada kemungkaran dan keruntuhan akhlak.

Selaras dengan hakikat sembahyang itu sebagai penyelamat maka kita adalah perlu untuk memastikannya menjadi tonggak kepada sekolah-sekolah agama.

Beta sangat gembira mengetahui bahawa murid-murid di sekolah agama adalah sedang diterapkan dengan pelbagai aktiviti keagamaan termasuk membuat catitan atau rekod menunaikan sembahyang dengan tujuan supaya murid-murid itu benar-benar terdedah kepada ibadat ini dan konsisten melakukannya.

Perkara yang sama boleh saja dilaratkan kepada sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi untuk memberikan ruang masa yang khas kepada para penuntut dan mahasiswa bagi menghayati kewajipan ini. Demikian juga bagi premis-premis kerajaan dan swasta adalah tidak ada masalahnya jika mereka itu juga berbuat perkara yang sama seperti menyediakan kemudahan-kemudahan atau lain-lain yang bersesuaian.

Ilmu ugama dan Al-Qur'an adalah 'ilmu agung', perlu dicari dan dikarihi. Ia agak unik dan tersendiri kerana itu memerlukan perhatian yang khusus lagi serius. Jika perhatian itu hanya ala kadar maka hasilnya pun mungkin ala kadar juga.

Ilmu ugama dan Al-Qur'an yang dimiliki dengan ala kadar tidak akan membantu untuk melahirkan generasi yang hebat kerana yang hebat itu ialah ugama dan Al-Qur'an jua. Sebab itu beta sering menekankan supaya ugama dan Al-Qur'an dipelajari dengan bersungguh-sungguh. Tentukanlah dasar dan matlamat yang hendak dituju, bukan membuat dasar yang melemahkan ugama.

Kita tidak ada kebanggaan lain melainkan lebih terpusat kepada ugama dan Al-Qur'an jua. Kerana itu sangat mustahak ia dijaga dan dipelajari dengan sempurna-sempurnanya.

Kita dan generasi masa kini adalah perlu melihat dengan kacamata kesedaran bahawa ugama itu adalah tonggak segala kebaikan. Ia tidak boleh ditukar ganti dengan yang lain-lain.

Ugama tidak boleh lemah atau kita letak ia di bawah. Jika ia lemah atau letaknya di bawah, itulah punca umat atau bangsa akan menjadi lemah dan bahkan binasa.

Inilah yang berlaku di mana-mana di kalangan umat Islam. Sayugia ia menjadi iktibar atau pengajaran kepada kita.

Semoga dengan berkat nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan juga berkat peristiwa Isra' dan Mi'raj Baginda, kita umat Islam akan sentiasa diberi petunjuk oleh Allah untuk lebih bersatu padu serta dilimpahi dengan rahmat berupa keselamatan, keamanan dan kemakmuran. Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-54
di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB,
Perkhemahan Penanjong, Tutong
pada hari Ahad, 13 Syaaban 1436 Hijrah /
31 Mei 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berhimpun lagi pada pagi ini bagi memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-54 Tahun.

Berkat kesepaduan dan komitmen seluruh rakyat dan agensi-agensi kerajaan serta peranan angkatan tentera yang berkesan maka negara kita alhamdulillah sentiasa berada dalam suasana aman dan sejahtera.

Tetapi walaupun begitu, kesiap-siagaan untuk menghadapi sebarang ancaman adalah memerlukan angkatan tentera yang cekap lagi berkeupayaan. Ini termasuk bagi menghadapi dan menangani kejadian-kejadian di luar dugaan yang berlaku di dalam mahupun di luar negara.

Kita masa ini tidak ketinggalan turut menjalin kerjasama pertahanan dan juga telah terpanggil untuk menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan serta operasi keamanan di luar negara.

Ini semua tentu saja memerlukan peningkatan 'Pengurusan Pertahanan' dan 'Pembangunan Keupayaan Tentera' Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Keperluan ini lebih dirasakan lagi apabila sering terjadi pergolakan-pergolakan luar yang sering menggegarkan keselamatan. Semua itu tidak dapat dinafikan sebagai boleh mendedahkan kita kepada ancaman-ancaman yang bersifat conventional dan *non-conventional*.

Berlandaskan senario ini, beta berharap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa waspada dan berpandangan jauh terhadap masa depan pertahanan dan keselamatan negara.

Kita perlu bijak membuat perancangan berupa penyediaan *force structure* yang *robust* dan berkesan.

Ke arah ini beta percaya inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pertahanan dalam mengendalikan 'Defence Review' adalah bertepatan dan mampu untuk menghasilkan kesan yang positif.

Tidak dapat dinafikan kemantapan dan kesinambungan angkatan tentera adalah didukung oleh anggota-anggotanya yang mencukupi dan berkualiti.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei perlu mempunyai strategi pengambilan sumber manusia yang proaktif yang boleh menarik minat para belia yang berkecanggihan dan celik teknologi.

Aspek-aspek disiplin dan integriti juga perlu ditekankan sebagai elemen penting dalam pengurusan sumber manusia.

Seluruh warga tentera hendaklah memperkukuhkan semangat cintakan institusi sambil menjaga imej dan nama baik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tindakan terhadap anggota yang melanggar undang-undang dan disiplin walau sekecil manapun hendaklah dilaksanakan kerana jika tidak ia akan menjadi 'duri dalam daging' kepada institusi ketenteraan.

Dalam pada itu semua peringkat kepimpinan adalah bertanggungjawab untuk memperkasa jiwa dan kerohanian setiap anggota yang berlandaskan nilai-nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu Taqwa, Setia, Berani dan *Professional*.

Akhir kata beta mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-54 dan semoga seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa berada di bawah perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Bagi Tahun
1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Jumaat (Malam Sabtu),
17 Ramadan 1436 Hijrah / 3 Julai 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,

Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita
sama-sama hadir di majlis yang penuh berkat ini. Tambahan lagi ia
berlaku dalam bulan Ramadan yang Mubarak.

Bulan Ramadan adalah bulan rahmat, bulan maghfirah
(keampunan) dan bulan yang membawa pelbagai keberuntungan.
Salah satu peristiwa besar yang berlaku di dalamnya ialah turunnya
Kitab Suci Al-Qur'an yang dikenali sebagai 'Nuzul Al-Qur'an'.

Peristiwa ini dirakamkan oleh Al-Qur'an sendiri sebagaimana
firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat
185 tafsirnya: "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah
pada) Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai
petunjuk bagi manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang
menjelaskan petunjuk itu serta menjelaskan perbezaan antara yang
benar dengan yang salah".

Al-Qur'an adalah cahaya Allah Subhanahu Wata'ala. Turunnya
ke alam ini menjadikan kegelapan bertukar jadi cahaya. Dunia yang
sebelumnya gelap gelita menjadi terang benderang kerananya. Inilah
keramah dan mu'jizat Al-Qur'an itu.

Oleh itu setiap kita janganlah mengabaikan cahaya ini tetapi mesti
sama-sama merebut peluang memilikinya. Cara untuk dapat memiliki
itu tidak lain dari pandai dan rajin membacanya. Tanpa pandai dan
rajin membaca, cahaya itu tidak akan mungkin diperolehi.

Alhamdulillah, di negara kita Brunei Darussalam tempat untuk belajar membaca Al-Qur'an tidaklah sukar untuk didapati seperti di masjid, surau, balai ibadat, institusi pendidikan kerajaan mahupun swasta. Mata pelajaran Tafsir Al-Qur'an juga turut diadakan di setiap peringkat persekolahan. Ini adalah bertujuan supaya generasi kita bukan saja pandai membaca Al-Qur'an itu tetapi juga mampu untuk memahami isi kandungannya.

Beta sangat gembira bahawa usaha-usaha untuk memartabatkan Al-Qur'an di negara ini telah banyak diungkayahkan seperti melalui penubuhan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah menganjurkan musabaqah membaca dan menghafaz Al-Qur'an secara berterusan dan malah kita juga telah melibatkan diri dalam musabaqah-musabaqah membaca dan menghafaz yang diadakan di luar negara sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Di dalam penyertaan-penyertaan itu kita juga turut meraih beberapa pencapaian yang baik yang mengharumkan nama negara.

Tema sambutan pada tahun ini berbunyi: "Al-Qur'an Penawar dan Rahmat". Tema ini adalah merujuk kepada fungsi Kitab Suci Al-Qur'an sendiri iaitu selain ianya petunjuk, ia juga adalah penawar dan rahmat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 83 tafsirnya : "Dan kami turunkan daripada Al-Qur'an itu penawar (bagi penyakit-penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Dari mafhum ayat ini, perkara yang penting di sini ialah iman. Kita membaca, menghafaz dan mengambil pengajaran daripadanya hendaklah dengan iman. Imanlah syarat tunggal untuk kita dapat memperolehi penawar dan rahmat tersebut.

Iman itu ialah dalam makna, percaya dan mematuhi dengan sepenuh hati akan segala suruhan dan teguran Allah tanpa sebarang keraguan atau bantahan.

Inilah ciri orang beriman itu. Jika ini ada insyaaAllah, Al-Qur'an yang kita baca atau hafaz akan jadi penawar dan rahmat kepada kita.

Mengambil kesempatan di sini, beta sangat berbesar hati untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para peserta yang telah berjaya mendapat tempat di Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Negara dan juga Peringkat Anggota MABIMS.

Terutama para peserta di bawah umur, beta adalah melihat bahawa mereka ini mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang Al-Qur'an. Semoga mereka akan terus berkembang untuk meraih kegemilangan lebih bermakna selaku bangsa mewakili zamannya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Istana Nurul Iman

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd

DI SAAT yang penuh berkat lagi bahagia ini tidak ada yang lebih utama untuk dilafazkan melainkan kalimat syukur jua.

Kerana apabila nikmat diterima, kita yang menerimanya adalah berkewajipan untuk mensyukurinya.

Bersyukur itu adalah sifat orang beriman. Barangsiapa yang bersyukur akan ditambah lagi oleh Allah nikmat yang didapatinya itu.

Nikmat Allah sangatlah banyak sehingga kita tidak dapat menghitung. Di antara nikmat paling ketara ialah nikmat kehidupan. Nikmat ini kita jalani selagi ada hayat.

Dengan kemurahan Allah jua, kehidupan di negara ini sedang berjalan dengan baik. Tidak terdapat sebarang kekusutan yang boleh mengganggu kehidupan kita.

Brunei, Alhamdulillah, adalah sunyi dari sebarang krisis, apa jua bentuk krisis. Kita juga tidak pernah mengalami gangguan seperti yang lumrah dialami oleh orang lain.

Dalam bidang sosioekonomi saja kita adalah selamanya harmoni dan stabil berkat pengurusan yang berhemah lagi adil.

Situasi itu perlu kekal untuk sebuah Brunei yang sejahtera lagi bahagia.

Adalah tidak mudah untuk mencapai tahap bahagia itu. Walau saiz besar dan penduduk ramai jika negeri dibelenggu oleh krisis maka itu tandanya tidak bahagia. Atau negeri kaya dan makmur tetapi masih asyik bertelagah maka itu juga tandanya belum harmoni.

Inilah yang mahu kita elakkan untuk Brunei. Tidak mengapa saiz kita kecil tetapi bersih dari sebarang krisis dan huru-hara.

Inilah idaman semua orang dan inilah yang sebenar-benarnya nikmat itu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd

Banyak perkara yang boleh dijadikan pengajaran. Setengahnya itu berupa kejadian-kejadian tertentu di luar negara seperti bencana-bencana alam, kemalangan dan peperangan. Dari kejadian-kejadian itu sampai mendatangkan korban yang besar.

Terutama musibah peperangan dan pergaduhan, ia adalah dilihat semakin parah dan berlarutan. Dan lebih terkutuk lagi korban bukan sahaja terdiri dari pihak-pihak yang bertelagah malahan juga orang awam yang tidak berdosa termasuk kanak-kanak dan orang tua.

Lain lagi boleh menambahkan derita apabila muncul dengan tiba-tiba anasir-anasir yang bertopengkan ugama yang tidak diketahui dengan pasti dari mana dan siapa mereka?

Dan bersebab daripada mereka itu juga keamanan dan keselamatan turut terganggu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd

Beta merasa terpanggil untuk mengingatkan rakyat dan penduduk di negara ini supaya bersikap lebih berhati-hati terhadap segala anasir dan pengaruh yang tidak sihat dari mana pun datangnya mereka.

Awas! Jika pintu orang lain boleh dimasuki, mengapa kita tidak?

Kerana itu janganlah leka dan mudah terpedaya tetapi bentengilah diri dengan semangat kebruneian yang tulen serta sikap orang-orang Brunei yang kuat beragama tanpa perlu kita terikut-ikut atau terpesona dengan sebarang propaganda.

Yang penting di sini ialah Brunei itu sudah pun cukup bagus di mata semua orang sehingga tidak berbangkit lagi perkara yang dipertikaikan. Oleh itu adalah wajar kita terus memperkukuhkan situasi ini tanpa perlu untuk mencari-cari yang lebih baik kerana kita sebenarnya telah pun berada di tahap yang terbaik.

Status terbaik itu kita miliki sudah lebih dari 600 tahun dan ianya telah terbukti mampu untuk membawa kita berkembang dan maju.

Beta amatlah berpuas hati dengan apa yang kita ada ini selaku negara yang terus-menerus stabil dan aman. Kewajipan kita hanyalah untuk menjaga dan mensyukurinya.

Mesti diingat ini semua bukanlah diperolehi semata-mata dengan titik peluh tetapi ia adalah kurnia khusus kepada kita. Mengapakah beta katakan demikian? Kerana bukankah semua orang di dunia ini mengimpikannya tetapi bukan semua yang memilikinya walaupun dengan kerja keras dan belanja besar.

Ia mengingatkan kita kepada janji Allah bahawa apabila wujud manusia-manusia beriman dan bertakwa, mereka itu akan dikurniakan dengan keberkatan yang turun dari langit dan tumbuh dari bumi. Semogalah apa-apa yang menjadi milik kita hari ini berupa keamanan dan kestabilan itu adalah ia suatu keberkatan daripada Allah jua.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd

Mengambil kesempatan di sini beta dan keluarga beta dengan jernih hati serta sukacita mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI kepada sekalian rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana jua mereka berada. Semoga kita semua berada dalam sihat, dapat sama-sama merayakan hari bahagia ini dengan keluarga masing-masing dan juga sahabat handai.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Perutusan Sempena Majlis Sambutan Hari Raya
Aidilfitri Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah Bagi
Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa
Berakas pada hari Rabu, 19 Syawal 1436 Hijrah /
5 Ogos 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengurniakan Aidilfitri untuk diraikan setelah umat Islam berjaya menyempurnakan ibadat puasa pada bulan Ramadan.

Beta difahamkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan pada tahun ini menampilkan golongan istimewa yang mempunyai kelainan upaya, berserta pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan dan ahli-ahli persatuan-persatuan NGO yang berkenaan dalam memberikan khidmat kepada mereka. Beta sangatlah mengalu-alukan penyertaan mereka ini.

Sudah sememangnya turut menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan perhatian khusus kepada golongan istimewa tersebut khasnya di bidang pendidikan termasuk pendidikan rohani dan lain-lain yang diperlukan.

Ugama Islam sendiri menyuruh supaya memberikan perhatian kepada golongan ini berdasarkan Surah 'Abasa ayat 1 hingga 11, melalui satu peristiwa bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada suatu hari didatangi oleh Abdullah bin Ummu Maktum iaitu seorang yang cacat penglihatan untuk meminta bimbingan, sedang pada ketika itu juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sibuk melayani pembesar-pembesar Quraisy sambil bertujuan mendakwah mereka kepada ugama Islam. Melihat kehadiran Abdullah bin Ummu Maktum ini, Baginda kelihatan memalingkan muka Baginda daripadanya kerana semata-mata ingin menumpukan perhatian

kepada pembesar-pembesar Quraisy tersebut. Dalam surah ini, ayat 1 hingga 11, Allah Subhanahu Wata'ala telah menegur Nabi-Nya dengan berfirman, tafsirnya:

“Dia (Nabi Muhammad) telah memasamkan muka sambil berpaling, kerana dia didatangi oleh orang buta (Abdullah bin Ummu Maktum). Dan tahukah engkau (wahai Muhammad bahawa tujuan orang ini) boleh jadi dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran ugama yang diambil daripadamu), supaya pengajaran itu memberikan manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa dirinya sudah cukup (tidak berhajat lagi kepada petunjuk), lalu engkau melayaninya, padahal, tidaklah menjadi kesalahan ke atasmu jika dia (ketua kaum Quraisy) itu tidak mahu membersihkan dirinya (daripada keingkarannya). Dan adapun orang yang bersegera datang kepadamu (untuk mendapatkan pengajaran), sedang dia itu takut (kepada Allah), tetapi (sayang) engkau telah mengabaikannya. Janganlah sekali-kali (engkau melakukan perkara yang sedemikian itu), sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur’an adalah peringatan.”

Demikian isyarat Al-Qur’an bagaimana perlunya melayani orang yang berlainan upaya.

Alhamdulillah, untuk kebajikan mereka ini pihak kerajaan telah pun menyediakan peruntukan dan beberapa skim serta program bantuan, bimbingan dan latihan bagi meningkatkan lagi keupayaan golongan ini. Selain bantuan sara hidup, kerajaan juga turut menitikberatkan hal ehwal pendidikan mereka. Misalnya kerajaan telah menubuhkan Unit Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 1994 bagi tujuan untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak golongan berkenaan untuk mengikuti program pendidikan formal yang bersesuaian.

Beta juga menyambut baik inisiatif Yayasan beta dalam memberikan sumbangan, bantuan dan sokongan kepada golongan orang-orang yang berlainan upaya melalui persatuan-persatuan NGO dan pihak-pihak yang berkenaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan untuk mereka.

Bantulah mereka untuk meneruskan kehidupan yang sama atau seimbang dengan anggota masyarakat yang lain. Doakan juga mereka untuk sama-sama mengecapi kemakmuran dan kebahagiaan yang dirasakan oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Demikian harapan tinggi kita bagi mereka.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang Ke-69
di Istana Nurul Iman
pada 30 Syawal 1436 Hijrah / 15 Ogos 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH kita bersyukur kerana dapat meraikan Hari Keputeraan beta pada tahun ini dalam keadaan aman lagi sejahtera.

Sekali lagi istiadat perayaan ini berlangsung sesudah kita umat Islam di negara ini berjaya menyempurnakan ibadat puasa dan juga setelah selesai meraikan Hari Raya 'Idil Fitri yang mubarak.

Beta dengan perasaan tulus ikhlas terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih serta penghargaan kepada tetamu-tetamu khas beta yang sudi hadir ke istiadat ini dan juga kepada semua pihak yang telah menyembahkan perutusan ucap selamat kepada beta serta keluarga bersempena dengan perayaan ini.

Setiap perubahan atau perkembangan dunia biasanya turut dirasakan bahangnya oleh semua pihak termasuk juga kita di negara ini kerana kita juga adalah sebahagian daripada warga dunia itu. Bahang tersebut meliputi sudut-sudut sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya.

Kewajipan kita dalam menghadapi bahang seperti ini supaya tidak gelabah tetapi perlu untuk banyak-banyak bertenang dan bersikap lebih bijaksana.

Jika kita bertindak maka bertindaklah dengan cara kita seperti juga kalau berfikir, maka berfikirlah dengan cara kita orang-orang Brunei berfikir tanpa perlu meniru-niru cara orang lain.

Yang penting kita menangani sebarang impak perubahan dan perkembangan itu ialah dengan cara realistik dan pragmatik bagi memastikan semuanya adalah tetap kukuh dan stabil.

Jika kita merancang maka perancangan itu hendaklah didukung oleh keupayaan sumber manusia yang berkemahiran dan cekap supaya dengan itu dapatlah kita memperolehi hasilnya dengan memuaskan.

Supaya perancangan lebih efektif maka Perkhidmatan Awam perlu mengambil langkah memperkukuhkan lagi 'akauntabiliti' dalam pentadbirannya. Melalui ini ia dapat diharapkan untuk menerapkan 'budaya prestasi' atau *performance culture* dalam Perkhidmatan Awam itu.

Perlu diingat matlamat kita ialah untuk mengekalkan apa yang ada pada masa ini supaya ia dapat dinikmati oleh generasi kita silih berganti. Ini adalah satu azam yang mulia.

Terutama ketika menghadapi cabaran ekonomi masa kini, kita adalah diperlukan untuk meningkatkan iltizam membangun dan membina diri. Tidak ada yang lebih mustahak dari mengekalkan daya tahan bagi jangka masa yang panjang.

Tanpa mengabaikan sumber yang sedia ada, langkah mempelbagaikan ekonomi juga mestilah diteruskan. Ini namanya proses 'peningkatan' di mana semua pihak perlu untuk terlibat.

Dalam ekonomi, satu asas penting untuk dimiliki ialah kebolehan kita merebut peluang. Peluang itu biasanya hanya sekali. Ia jarang berulang. Jika kita tidak merebutnya, kita akan ditinggalkan jauh begitu saja.

Menyebut tentang 'peluang' ini segera mengingatkan kita kepada 'peluang pekerjaan'. Adapun usaha mewujudkan peluang pekerjaan itu merupakan suatu usaha murni kerana ia membawa kepada kesejahteraan rakyat.

Peluang ini sebenarnya ada tetapi masih saja terpulang kepada pencari-pencari pekerjaan masing-masing.

Pada lumrahnya peluang itu lebih banyak diisi oleh pekerja-pekerja asing di sektor swasta sementara bagi pencari-pencari kerja dari kalangan anak tempatan pula mereka itu dilihat sebagai lebih memilih untuk bekerja di sektor awam atau kerajaan.

Ini juga pada hemat beta merupakan satu kelemahan ketara yang perlu diperbaiki. Kelemahan ini berpunca daripada sikap sedangkan sikap adalah penentu kepada maju mundurnya sesuatu bangsa. Jadi tidak diragukan lagi sikap memilih-milih pekerjaan itu boleh dianggap sebagai satu penghalang kepada perkembangan dan kemajuan bangsa.

Maka jelaslah yang penting di sini ialah Brunei mesti dengan segera melakukan penghijrahan minda: Dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh kepada rajin bekerja. Dari banyak bergantung harap kepada lebih membanyakkan usaha dan dari kurang berdikari kepada lebih berdikari. Inilah sumber kekuatan kita.

Di arena antarabangsa, kita akan terus memupuk dan mempererat lagi hubungan persahabatan serta kerjasama dengan negara-negara luar di antaranya melalui keahlian negara dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Kita juga memainkan peranan dalam hal ehwal keselamatan serantau mahupun antarabangsa di samping menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang memerlukan yang dilanda oleh malapetaka dan bencana alam selaras dengan kemampuan kita.

Akhirnya beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga disampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat, kebangsaan dan daerah atas segala khidmat usaha mereka untuk menjayakan perayaan pada tahun ini.

Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan terus kekal aman dan makmur di bawah naungan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Ke-10 Tahun 2015 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan
Negara Hassanal Bolkiah, Berakas
pada hari Selasa, 17 Zulkaedah 1436 Hijrah /
1 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dapat berkumpul untuk menyambut Hari Belia
Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 yang bertema: 'Belia Berwawasan
Menjana Ekonomi'.

Beta terlebih dahulu mengucapkan Selamat Menyambut Hari
Belia kepada semua para belia di negara ini.

Beta amat teruja dengan bertambahnya bilangan profesional,
usahawan, karyawan dan tenaga mahir di kalangan para belia kita.

Kita juga berbangga dapat menyaksikan belia-belia itu sudah
mula menceburkan diri di bidang-bidang yang kurang diminati
seperti bidang bertanam padi dan membuat kerja-kerja lasak seperti
memandu kenderaan berat dan *scaffolding*.

Demikian juga golongan belia telah mula terlibat menerokai
bidang-bidang baru seperti bidang industri kreatif dan juga tidak
ketinggalan untuk menceburi pasaran luar negara.

Kaum belia juga didapati aktif melakukan kerja-kerja amal atau
sukarela dan ini bukan sahaja dilakukan di dalam negara malahan
juga di luar negara. Semua itu amatlah membanggakan kita.

Kaum belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara
yang bermanfaat terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau
sanggup membuat kerja-kerja lasak seperti turun ke sawah di bawah
panas matahari dan lain-lain. Ini semua sangatlah berguna kepada
belia selaku ejen masyarakat.

Menyebut belia ejen masyarakat adalah penting bagi mereka itu untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap.

Kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat.

Maksud beta dengan jati diri di sini ialah yang *original*, yang asli, yang bukan disalin atau ditiru daripada orang lain lebih-lebih lagi kalau yang ditiru itu bertentangan dengan budaya dan adab sopan kita yang baik.

Salah satu contoh budaya dan jati diri yang baik orang-orang Brunei ialah suka memakai songkok. Sehingga dalam banyak keadaan, mereka itu dapat dilihat memakainya terutama sekali ketika sembahyang dan membaca Al-Qur'an.

Ia sangat sopan dan cantik dipandang mata dan bahkan ia juga menjanjikan pahala kepada kita. Kerana bukannya menutup kepala itu salah satu dari sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam?

Tetapi agak malang di era mutakhir ini orang sembahyang dan membaca Al-Qur'an pun sudah ada yang tidak memakai songkok. Ini bukan budaya dan jati diri kita tetapi satu budaya baru yang didapat daripada luar termasuk yang ditiru dari media.

Beta ingin berpesan kalau hendak meniru pun biarlah yang baik, bukan meniru perkara yang tidak baik apatah lagi yang merugikan.

Ini adalah di antara cabaran yang sedang menunggu para belia kita di mana mereka itu sangat penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak atau terperangkap oleh aliran-aliran budaya baru yang tidak menentu.

Sebaliknya para belia dikehendaki supaya proaktif dalam memupuk dan memelihara budaya warisan, bukannya membiarkan budaya itu hakis atau mati.

Misalnya budaya dan seni mempertahankan diri yang kita warisi semenjak sekian lama itu, adakah kita sudah berpuas hati dengannya ataupun kita sedang cemas kerana mendapatinya sedang diancam oleh perubahan atau pembaharuan yang menjejaskannya?

Kita bukanlah anti perubahan atau pembaharuan itu tetapi biarlah perubahan atau pembaharuan tersebut jangan sampai mengurangi mutu dan sekali gus melunturkan ketulenan warisan. Kita sepatutnya mempertahankan warisan dan memberinya nafas yang baru, bukan menyebabkan ia layu dan lumpuh. Inilah tugas para belia bangsa.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-27 UBD 2015 di Dewan Canselor, UBD pada hari Rabu, 25 Zulkaedah 1436 Hijrah / 9 September 2015 Masihi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-27 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada pagi ini.

Beta dengan sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing di universiti ini. Beta berharap dengan kejayaan ini para graduan akan dapat menjadikannya sebagai pendorong untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

Beta mengambil maklum dalam majlis konvokesyen pada tahun ini, seramai 20 orang graduan akan menerima Ijazah Kedoktoran, satu jumlah yang paling besar berbanding tahun-tahun yang lepas. Beta berharap UBD akan terus menjadi destinasi pilihan yang mampu untuk menarik minat pelajar-pelajar cemerlang bagi meningkatkan lagi pembelajaran dan penyelidikan mereka di UBD.

Selain dari itu beta juga difahamkan bahawa pada tahun ini adalah konvokesyen yang julung kali bagi Program Flagship Sarjana Dasar Awam dan Pengurusan (*Master of Public Policy and Management*) yang mengumpulkan 15 orang graduan dari dalam dan luar negara termasuk penerima biasiswa kerajaan beta dari *East Asia Summit Participating Countries*.

Di samping itu beta juga difahamkan terdapat pelajar bagi program ini yang berjaya menjadi pelajar paling cemerlang (*top students*) semasa berada di penempatan selama satu semester di universiti-universiti terkemuka di Amerika Syarikat yang menjadi satu komponen program ini. Ini adalah satu pengiktirafan terhadap kualiti sistem pendidikan di UBD. Perkembangan ini sudah setentunya mampu untuk menaikkan lagi imej dan *visibility* UBD.

Menyentuh tentang *visibility* universiti, beta bersyukur melihat UBD telah banyak membangun dan mempertingkatkan usaha untuk mencapai aspirasi yang dihajati selari dengan usianya yang hampir mencecah 30 tahun. Ini termasuk pencapaian UBD sebagai universiti paling cepat meningkat dalam *QS Asia University Ranking* pada tahun ini.

Namun di sebalik pencapaian itu beta ingin mengingatkan bahawa banyak lagi aspek yang penting yang juga perlu diambil kira untuk menyukat sesuatu kejayaan seperti kebolehpasaran atau *marketability* para graduan serta hasil-hasil penyelidikan yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Mengenai *marketability* di peringkat global pula, ianya dapat dilihat sebagai memberi gambaran bahawa pertambahan di kalangan para graduan boleh menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat kerana dengan pertambahan tersebut peluang pekerjaan atau pasaran kerja dengan sendirinya semakin kompetitif. Namun faktor inovasi yang terdapat pada kurikulum GenNext kita dan inisiatif penerapan nilai keusahawanan terhadap pelajar adalah memberi harapan besar untuk lahirnya generasi proaktif yang berdaya tahan serta tidak semata-mata bergantung kepada kerajaan.

Dalam usaha menangani isu pengangguran kini beta menyeru agar semua pihak dapat sama-sama berganding bahu dan bersepakat untuk melaksanakan pendekatan '*a whole of nation approach*', bukan terhenti pada pendekatan '*a whole of government approach*'.

Institusi-institusi pengajian tinggi juga perlu untuk menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam mencari sumber alternatif kewangannya seperti membuat kolaborasi dengan pihak industri supaya pembiayaan sesuatu aktiviti itu dapat dikongsi sama serta *outcomenya* juga mampu untuk membuahkan hasil yang sama.

Menyentuh mengenai perkhidmatan yang berkualiti tinggi, Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang ada sepatutnya dijadikan pendorong yang kuat untuk para ahli akademik kita meningkatkan lagi mutu pengajaran dan penyelidikan mereka.

Khasnya ahli-ahli akademik tempatan kita rebutlah peluang membina diri dengan memperkasa kebolehan dan kepakaran, mengasah bakat dan menampilkan diri demi ilmu, bukan dengan menyorok di bilik-bilik kuliah sahaja. Adapun masyarakat dan negara sentiasa menunggu mereka dan ingin untuk mendengar dan membaca dari mereka.

Akhirya beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang berjaya. Beta ingin menasihatkan supaya setiap graduan akan sentiasa mempertahankan jati diri, warisan, integriti serta mengekalkan identiti kebruneian yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB). Kemajuan dan perkembangan negara hendaklah disertai dengan kerohanian yang teguh.

Beta juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga UBD yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga Allah jua yang diharapkan untuk mengurniakan ganjaran-Nya kepada mereka berupa rahmat dan pahala.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an
Belia Asia Tenggara Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Khamis (Malam Ketiga),
4 Zulhijah 1436 Hijrah / 17 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

TERLEBIH dahulu beta ingin mengucapkan selamat datang kepada para belia dari negara-negara ASEAN yang menyertai Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Beta juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pemenang Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara bagi Tahun 1436 / 2015 dan juga kepada semua peserta lain yang telah menunjukkan semangat perpaduan ASEAN.

Pertemuan belia-belia ASEAN dalam musabaqah kali ini adalah bertepatan dengan tahun pembentukan Komuniti ASEAN di penghujung tahun 2015. Golongan belia Islam ASEAN tidak syak lagi mempunyai peranan penting terhadap pengisian kelangsungan pasca Komuniti ASEAN. Ia turut menyumbang untuk memperkukuh lagi perpaduan ummah dan mempertingkatkan keamanan serantau.

Penglibatan golongan belia dalam kerja-kerja berkebajikan adalah amat diperlukan bukan sahaja untuk kepentingan masing-masing malahan juga untuk kepentingan bersama seluruh warga di rantau ini. Belia adalah penggerak dan pemangkin serba mampu untuk melakukan apa jua yang terbaik bagi bangsanya. Kerana itu kelebihan yang ada ini perlulah dibuktikan oleh para belia.

Para belia mampu untuk mendatangkan impak yang besar kepada pembangunan masyarakat ASEAN, meliputi semua bidang seperti bidang pendidikan, ekonomi, kemahiran, penguasaan teknologi dan juga kerohanian.

Namun yang jelas kaum belia juga sedang mendepani cabaran globalisasi yang sengit yang menghidangkan pelbagai budaya serta persekitaran sosial yang cepat berubah. Jika belia tidak mempunyai pegangan dan keyakinan diri maka tunggulah akibat di luar jangkaan.

Bagi belia-belia Muslim pada khususnya, akibat di luar jangkaan itu mungkin saja berkaitan dengan akidah atau aliran kefahaman beragama. Pada ketika ini nampaknya banyak berlaku pemusingan atau salah tafsiran terhadap Islam yang mana belia adalah sasaran utamanya.

Di sinilah pentingnya kesedaran diri bagi orang Islam. Jadikanlah diri kita benar-benar Muslim sejati di mana pun kita berada. Tanda Muslim sejati itu boleh terimbas dari identiti dan pendirian kita.

Jika pendirian itu sering terumbang-ambing atau mudah terikut-ikut maka itu tandanya peribadi belumlah kukuh. Peribadi yang kukuh adalah milik Muslim sejati.

Selaku pelengkap pula para belia Muslim perlulah memiliki ilmu khasnya ilmu yang berkaitan dengan Al-Qur'an dan al-Hadits. Kerana pada kedua-dua ilmu inilah ditentukan status kita umat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagaimana maksud Hadis, bunyinya :

“Sebaik-baik kamu ialah siapa yang mempelajari Al-Qur'an dan al-Hadits.”

Dengan adanya ilmu Al-Qur'an dan al-Hadits itu di dada setiap belia kita insyaaAllah rantau kita ini akan beroleh kekuatan dan keselamatan, Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-25
Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Rabu, 9 Zulhijah 1436 Hijrah /
23 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-25, Tahun 2015 pada pagi ini.

Di kesempatan ini beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru sama ada yang bertugas di sektor kerajaan mahupun swasta.

Beta turut mengambil maklum bahawa sambutan Hari Guru pada tahun ini membawa tema: 'Guru Pemangkin Insan Berwawasan'.

Ini selaras dengan wawasan paduka ayahanda beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang telah mentransformasi pendidikan itu sebagai peluang untuk semua lapisan masyarakat dapat merebutnya. Baginda menitikberatkan pendidikan secara holistik di mana pembelajaran ugama Islam diberikan keutamaan. Pandangan jauh baginda ini membawa cemerlang syiar Islam dan memberi impak kepada kemakmuran.

Pendekatan pendidikan holistik ini kita perkukuhkan lagi dengan menjadikan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sebagai salah satu mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan negara dan pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2013. Oleh yang demikian beta mengingatkan supaya dasar-dasar ini jangan saja ia berdaulat di atas kertas tetapi hendaklah benar-benar dilaksanakan.

Matlamat kita ialah melahirkan generasi beragama dan progresif. Maka untuk tujuan ini tidak diragukan lagi turut diperlukan ialah guru-guru berwawasan yang memiliki ciri-ciri kepimpinan berkesan.

Sehubungan ini beta menyambut baik inisiatif berterusan Kementerian Pendidikan untuk memantapkan kualiti kepimpinan di peringkat sekolah.

Bagi kepentingan ini, pembangunan melalui latihan guru juga adalah perlu kerana kualiti seorang guru bukan saja diukur dari kebolehannya mengajar dengan pedagogi malahan turut menyangkut juga ialah faktor kerohanian, selaku sifatnya *role model* kepada pelajar. Oleh itu keberkesanan pendidikan atau latihan perguruan itu perlulah diteliti dan dinilai selalu.

Atas asas ini beta turut mengalu-alukan langkah Kementerian Pendidikan untuk menilai kompetensi guru-gurunya melalui *Teacher Performance Appraisal* atau TPA yang dibentuk dengan merujuk kepada *Brunei Teacher Standard* yang dilancarkan pada tahun 2014. Dengan inisiatif ini para guru akan lebih mengetahui sejauh mana tahap kebolehan mereka dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam hubungan ini beta ingin menyarankan supaya pembangunan guru dapat dilakukan dari awal pengambilan guru lagi. Dengan ini Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di Universiti Brunei Darussalam dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan perlulah sentiasa memastikan program-program mereka adalah berkualiti tinggi.

Akhirnya beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini dan berdoa semoga segala penat lelah, pengorbanan dan sumbangan para guru sekalian akan mendapat ganjaran setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berharap anugerah seumpama ini akan turut menjadi inspirasi dan motivasi bagi guru-guru yang masih berkhidmat pada masa ini.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Walillahil Hamd!

ADALAH Aidiladha itu yang juga dipanggil sebagai Hari Raya Korban telah membawa mesej khusus dan suci tentang pengorbanan.

Pengorbanan adalah satu perkara yang tidak mudah dilakukan kecuali oleh orang-orang yang istimewa yang memiliki jiwa besar dan keimanan sahaja.

Ini dapat kesian dari peristiwa berkorban oleh Nabi Ibrahim ke atas anakanda baginda, Nabi Ismail 'Alaihissalam.

Bayangkanlah bapa menyembelih anak, tidakkah itu satu pekerjaan yang sangat-sangat berat dan mencabar? Namun oleh kerana keimanan dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi terhadap Allah maka Nabi Ibrahim 'Alaihissalam telah sanggup melakukannya.

Demikianlah peranan iman itu. Ia menentukan segala-galanya termasuk kesediaan untuk berkorban.

Berkorban di sini meliputi pengorbanan dalam bentuk jiwa raga dan harta benda. Pengorbanan dalam bentuk jiwa raga itu adalah termasuk juga melakukan ibadat-ibadat dan lain-lain ketaatan terhadap Allah.

Melakukan ibadat dan lain-lain ketaatan itu tidak syak lagi adalah merupakan satu pengorbanan. Ia dilakukan dengan jiwa raga yang padat dengan keyakinan dan kesabaran. Tanpa keyakinan dan kesabaran ibadat tidak mungkin dapat ditegakkan.

Kita dapat menyaksikan berapa ramai orang yang tidak komited dengan ibadat dan lain-lain amal taat. Ini semua tandanya mereka itu tidak sanggup berkorban untuk Allah atau bagi Allah.

Mengapa tidak sanggup berkorban ini? Jawabnya kerana ketiadaan iman di dada.

Orang yang tidak yakin adalah orang yang tidak ada padanya kekuatan dalaman dan manakala kekuatan dalaman itu tidak ada maka sukarlah bagi seseorang untuk melakukan kerja-kerja besar.

Ibadat kepada Allah adalah kerja besar malah paling besar. Ia memerlukan kesabaran dan pengorbanan. Sebagai contoh, kita ambil saja ibadat sembahyang. Ia adalah kerja paling besar dan malah paling berat sebagaimana Allah telah menerangkan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 45, tafsirnya : "...Sesungguhnya ibadat sembahyang itu amatlah berat (untuk ia dilakukan), kecuali oleh orang-orang yang khusyuk."

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Walillahil Hamd!

Manakala kita umat Islam ini berjaya melaksanakan satu-satu ibadat kepada Allah maka ertinya kita telah pun berkorban untuk-Nya dan pengorbanan itu pasti akan dibalas dengan ganjaran pahala. Apa jua jenis ibadat dan amal soleh adalah ia bersifat pengorbanan.

Oleh itu dengan mengambil semangat dari Hari Raya Korban ini marilah kita sama-sama berazam untuk terus melakukan pengorbanan terhadap Allah berupa pelaksanaan ibadat-ibadat kepada-Nya.

Pengorbanan melalui ibadat adalah pengorbanan paling suci yang menjanjikan kebahagiaan di akhirat. Kerana itu sambil kita berkorban sunat dengan menyembelih binatang, marilah kita berkorban juga melalui pelbagai ibadat lain khasnya ibadat-ibadat wajib.

Semoga dengan pengorbanan kita itu Allah Subhanahu Wata'ala akan meredai kita selaku hamba-hamba-Nya yang soleh.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Walillahil Hamd!

Kita usah lupa bahawa semua ibadat adalah dituntut, terpulang kepada kita sama ada hendak memenuhi tuntutan itu ataupun tidak. Jika kita mahu memenuhinya bererti kitalah hamba yang patuh sementara jika tidak maka kitalah hamba yang bernama pembantah.

Kedua-dua golongan ini jelas berbeza. Nun di akhirat kelak mereka pasti akan menerima nasib masing-masing berdasarkan janji Allah yang tidak pernah dimungkiri-Nya.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Walillahil Hamd!

Beta mengambil kesempatan di sini untuk merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana para jemaah kita di Tanah Suci Mekah telah terselamat daripada musibah kren tumbang yang menimpa Masjidil Haram baru-baru ini. Kepada saudara-saudara kita dari kalangan ahli keluarga mangsa-mangsa pula kita mengucapkan takziah supaya mereka itu membanyakkan bersabar. Ke atas mereka yang terkorban pula kita mendoakan semoga roh-roh mereka dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Untuk akhirnya beta dan keluarga beta dengan hati yang jernih mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana saja mereka berada semoga kita sama-sama beroleh kebahagiaan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan (KUPU SB)
sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Kali Ke-5
1436 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Sabtu, 26 Zulhijjah 1436 Hijrah /
10 Oktober 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Kali Ke-5 pada pagi ini.

Beta dengan amat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Perlu diingat KUPU SB adalah ibarat kilang untuk mendapatkan penghasilan yang terbaik. Ini sangat bersesuaian, nisbah dengan namanya sendiri yang disandarkan kepada ugama.

Atas nama ugama ini, KUPU SB adalah pemegang amanah utama bagi melahirkan sumber tenaga yang benar-benar arif ugama.

Arif ugama di sini termasuklah ilmu itu perlu mantap di dada dan jika ia tumpah di atas kertas pun masih saja seperti itu juga.

Kita tidak mahu ilmu ugama itu dibayangi oleh budaya semasa kerana budaya bukanlah ugama lebih-lebih lagi jika budaya itu memang bertentangan dengan ugama.

Termasuk juga di sini penggunaan-penggunaan kaedah atau istilah yang asalnya datang daripada orang lain hendaklah dipastikan ianya tidak menyalahi agama.

Kerana kita tahu orang ugama pun kadang-kadang tidak menghayati nilai-nilai ugama seperti turut-turutan membuang kupiah dan jika menulis buku atau kajian dan lain-lain tidak mahu mengikut sunnah seperti memulai dengan Bismillah.

Ini semua jika berlaku kepada KUPU SB tidak diragukan lagi ianya adalah satu tragedi.

Semua graduan dan guru ugama perlu ingat bahawa ilmu dan pengalaman berharga yang mereka perolehi adalah amanah untuk dicurahkan kepada masyarakat.

Sebagai motivasi, negara telah memperkenalkan Skim Perkhidmatan Guru (SPG) kepada guru-guru semenjak beberapa tahun yang lalu. Namun kita masih lagi belum mendengar tentang Skim Perkhidmatan Guru Ugama. Oleh itu ada baiknya jika perkara ini diambil perhatian oleh pihak berkenaan.

Dalam era serba mencabar ini semua orang khususnya anak-anak adalah sentiasa terdedah kepada pengaruh-pengaruh negatif yang menjadi punca utama berlakunya pelbagai gejala sosial. Masalah ini tidak boleh tidak menjadikan peranan guru ugama adalah semakin diperlukan.

Kita tidak boleh lagi berfikir secara mundur ke belakang tetapi kita perlu berfikir jauh lebih maju ke hadapan.

Bermacam-macam jenis penyakit sedang menyerang termasuk penyakit yang sangat payah dikawal yang bernama penyakit rohani atau akhlak. Penyakit ini begitu cepat berkembang, memerlukan kebolehan atau kepakaran luar biasa untuk merawat dan bahkan mencegahnya.

Duduk paling depan sekali ialah guru-guru agama dan inilah tujuan KUPU SB ditubuhkan untuk melahirkan guru-guru agama yang berkualiti yang mempunyai kebolehan atau kepakaran dalam mendidik dan mentarbiah anak bangsa.

Mereka tidak dapat lagi mengelak tanggungjawab ini. Inilah kerja asasi mereka. Malah inilah perjuangan suci mereka.

Beta sangat gembira mengetahui bahawa KUPU SB sedang menyusun semula program dan kurikulumnya supaya lebih relevan dan efektif dalam konteks latihan perguruan. Ini memang penting untuk tujuan mengemas dan melengkapkan diri.

Beta juga mengambil maklum dengan kegiatan-kegiatan intelektual dan kebajikan KUPU SB di dalam dan luar negara seperti pertukaran pelajar dan kegiatan dalam Consortium of Asia - Pacific Education Universities dan Asia - Pacific University - Community Engagement Network serta juga merindangkan lagi hubungan persefahaman dan kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi luar negara.

Apa yang beta harapkan KUPU SB bukan sahaja mengambil manfaat terbaik dari pengalamannya dengan pusat-pusat pengajian tinggi luar negara bahkan KUPU SB juga mesti turut menyumbangkan pengalamannya yang tersendiri selaku sebuah institusi perguruan Islam di rantau ini.

Menyebut peranan KUPU SB dan guru agama dalam pendidikan, belumlah lengkap rasanya kalau tidak disebut juga peranan ibu bapa. Kerana ibu bapa itu adalah wadah semula jadi untuk mendidik.

Ini dapat dikesan dari hadis Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang bermaksud : “Tiada seorang pun dari anak yang dilahirkan melainkan keadaannya adalah putih lagi bersih. Lalu kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.”

Lihatlah betapa kuat dan besarnya pengaruh serta budi bicara ibu bapa itu. Jika mereka menginginkan putih untuk anak-anak maka putihlah anak-anak itu, demikian juga sebaliknya. Manakala pengaruh dan budi bicara para guru pula tidaklah sampai begitu keadaannya.

Namun dua-dua institusi, ibu bapa dan guru ini sangat mustahak untuk berganding bahu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang besar ini.

Akhirnya beta dengan amat sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Utama, ahli-ahli akademik serta kakitangan Kolej Universiti atas segala khidmat dan sumbangan mereka. Semoga mereka mendapat ganjaran lumayan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1437

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita banyak-banyak bersyukur kerana dapat pula menyambut dan memasuki Tahun Baru Hijrah dengan segala keselesaan.

Acara utama kita pada setiap menjelanginya awal Hijrah ialah membaca doa akhir dan awal tahun di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat.

Acara ini sangat unik dan penting kerana tidak ada yang lebih penting dari merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Doa itu adalah perkara agung kerana apabila berdoa bererti kita adalah sedang berurusan dengan Allah Ta'ala, siapa yang Maha Agung.

Kita memohon di dalam tahun baru ini supaya Allah memelihara kita daripada syaitan.

Doa ini adalah doa besar. Jika Allah menerimanya bermakna kita dan negara insyaaAllah akan bebas daripada segala macam pesona syaitan, pembantu-pembantu dan askar-askarnya serta bebas daripada asakan-asakan nafsu ammarah (nafsu yang jahat) yang menjerumuskan manusia kepada pelbagai kejahatan dan dosa.

Oleh itu marilah kita bersungguh-sungguh menghayati Doa Awal Tahun dengan niat semata-mata untuk mengharapkan kurnia Allah jua, siapa yang di tangan-Nya terkumpul segala kuasa dan kemurahan. Semoga kita sekalian tidak dihampakan.

Sementara Doa Akhir Tahun pula kita ada menyebut perkara-perkara yang telah lalu. Kita munajat kepada Allah sekiranya terdapat sebarang perbuatan yang menyalahi tegahan-Nya yang dilakukan di

sepanjang tahun dan kita pula belum lagi bertaubat maka dengan segala reda diri kita pun memohonkan belas kasihan-Nya supaya menerima taubat dan mengampunkan dosa-dosa kita.

Pada hemat beta doa kita pada setiap tahun itu adalah benar-benar menjadi punca kepada kebajikan bersama.

Dengan rahmat-Nya jua negara ini benar-benar bebas daripada sebarang kemelut. Rakyat hidup bersatu hati, tiada pergaduhan atau pertelingkahan yang membebankan bahkan semuanya adalah berjalan dengan baik.

Yang kita tahu pun doa akhir dan awal tahun itu hanyalah rutin biasa saja. Tetapi beta penuh yakin bahawa rutin inilah satu kelebihan untuk kita di mana impaknya adalah sangat hebat, mampu untuk menjadikan negara dan kehidupan sejahtera.

Betapa tidak, isi kedua-dua doa tersebut jika Allah memperkenankan-Nya tidak diragukan lagi semua kebaikan adalah milik kita. Di dalam Doa Akhir Tahun kita meminta supaya Allah mengampunkan segala dosa dan menerima taubat kita sementara dalam Doa Awal Tahun pula kita memohon agar Allah melindungi kita daripada kejahatan syaitan, pembantu-pembantu dan askar-askarnya serta meminta supaya jangan dipesongkan oleh nafsu yang jahat. Andainya doa-doa ini diterima oleh Allah maka tidakkah ini satu jaminan untuk kita meraih segala kebaikan berupa keselamatan, kebahagiaan, kemakmuran dan lain-lain?

Beta penuh percaya doa kita ini telah dimakbulkan oleh Allah. Lalu kerana itu berlakulah apa yang patut berlaku: Negara jadi aman, rakyat dan penduduk hidup bahagia di bawah pengurusan dan pemerintahan yang adil saksama kerana, syaitan dan konco-konconya telah tewas, tidak dapat mencampuri segala urustadbir kehidupan di negara ini. Allahuakbar, Maha Besar Allah yang mengurniakan semua ini.

Tidak syak lagi doa adalah *survival* kita, *survival* negara. Makanya tradisi mengisi Tahun Baru Hijrah dengan doa ini adalah wajar diteruskan dan malah dikekalkan.

Akhirnya mengambil kesempatan di sini beta dan keluarga beta sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijrah 1437 kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana saja mereka berada dengan harapan semoga kita semua dapat berjumpa lagi di tahun hadapan. Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif
Ali (UNISSA) Sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-5
UNISSA Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Sabtu, 4 Muharam 1437 Hijrah /
17 Oktober 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua
dapatlah kita berkumpul dalam Majlis Haflut Takharruj Ke-5
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi tahniah
kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian
merekam masing-masing.

Dengan lahirnya para graduan UNISSA ini maka bertambahlah
lagi sumber tenaga manusia yang memiliki pengetahuan agama. Ini
pada hemat beta, adalah amat mustahak untuk menjamin *survival*
agama dan negara kerana merekalah pengimbang antara tuntutan
duniawi dan ukhrawi khasnya dalam kalangan tenaga kerja manusia.
Oleh itu adalah amat penting bagi pelajar-pelajar UNISSA dilengkapi
dengan pendidikan agama yang mantap sebagai benteng menghadapi
era globalisasi yang serba mencabar agar tidak terumbang ambing
dan mudah diseret oleh arus perubahan.

Semua pihak perlu berwaspada khasnya UNISSA selaku tonggak
ketamadunan Islam di negara ini agar jangan mengabaikan setiap
perkembangan yang menyentuh hal-hal agama baik ia berlaku di
dalam mahupun yang datang daripada luar.

Atas nama agama, orang suka membawa isu-isu baru misalnya untuk menyangkal sesuatu perkara itu sebagai tidak ada dalam agama atau ianya tidak pernah disebut dan dibuat oleh Nabi maka disarankanlah supaya ianya dibuang atau tidak payah dipakai lagi.

Beta melihat pendapat seperti ini datangnya daripada orang-orang baru yang kadang-kadang imej mereka adalah imej ulama tetapi tidak beretika dengan etika ulama.

Ulama muktabar tidaklah secelupar itu. Mereka masih saja terikat untuk menghargai apa-apa yang baik walaupun bukan dari hadis. Kerana itu mereka menyediakan dua kaedah atau sistem nilai: pertama, mana-mana perkara buruk yang tidak ada dalam hadis perkara tersebut akan dikategorikan sebagai “bid’ah sayyi’ah” (perkara baru yang buruk yang sayugia jangan dilakukan) dan kedua, mana-mana perkara baik walaupun ia bukan dari hadis, maka perkara itu akan dikategorikan sebagai “bid’ah hasanah” (perkara baru yang baik dan malah jika dibuat boleh mendatangkan pahala).

Kaedah ulama muktabar yang cantik dan sempurna ini, beta ingin tegaskan hendaklah dipegang dan dipakai terus oleh UNISSA dan lain-lain pihak di negara ini. Adapun kaedah-kaedah baru yang berlawanan dengan kaedah para ulama muktabar adalah tidak berkenaan dengan kita.

Mengenai penyediaan pelajar-pelajar pula adalah perlu untuk mengambil kira faktor kebolehpasaran atau *marketability* para graduan sehingga mereka mampu bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. Sehubungan ini beta ingin mengetahui sama ada sejauh ini pihak UNISSA ada menjalankan kajiselidik untuk mengetahui kebolehpasaran atau *marketability* para graduannya? Di manakah mereka itu sedang berkhidmat dan apakah maklum balas dari para majikan mengenainya?

Menyentuh mengenai kegemilangan Islam, UNISSA mempunyai potensi untuk menjadi institusi pengajian tinggi Islam tulen yang unggul di arena antarabangsa. Beta ingin melihat UNISSA bergerak cepat dalam memantapkan profil penyelidikannya. Beta percaya jika kedua-dua aspek, pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, UNISSA akan melonjak selaku sebuah universiti Islam ternama di dunia.

Beta difahamkan pada masa inipun UNISSA telah mula menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa khususnya dari rantau Asia Tenggara. UNISSA dipilih sebagai destinasi untuk mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab sama ada program jangka pendek mahupun jangka panjang.

Ini adalah ciri dari kehebatan UNISSA.

Akhirnya beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan para graduan dan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan pengorbanan mereka sehingga membawa kejayaan kepada para graduan. Di samping itu beta juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga UNISSA yang merangkumi ahli-ahli Majlis, Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan Universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga usaha yang murni ini sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat rahmat daripada-Nya. Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat
Menteri-Menteri Kabinet dan
Pelantikan-Pelantikan Baru
pada hari Khamis, 9 Muharam 1437 Hijrah /
22 Oktober 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

NEGARA Brunei Darussalam telah dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahannya yang tersendiri. Sistem pemerintahan kita ini alhamdulillah telah terbukti menghasilkan pembangunan dan berjaya mencipta keamanan, perpaduan dan kemakmuran.

Apakah yang lebih bermakna dan lebih dihajati oleh semua orang kalau bukan keamanan, perpaduan dan kemakmuran?

Kita telahpun menyaksikan berapa banyak negara di dunia ini tidak berpeluang menikmati keamanan, perpaduan dan kemakmuran itu kerana faktor-faktor tertentu. Tetapi kita alhamdulillah telah ditakdirkan dapat mengecapnya tanpa sebarang masalah. Tinggal satu lagi, apakah kita mampu untuk terus memelihara dan mengekalkannya?

Disinilah persoalannya.

Ugama kita telah memberi pertunjuk bahawa nikmat itu boleh kekal tetapi masih saja tertakluk kepada 'pembawaan' kita sendiri.

Allah mengurniakan nikmat sementara kita berkewajipan mensyukurinya. Syukur itulah pemangkin segala nikmat dan keberkatan. Tanpa syukur nikmat akan hakis tidak dapat bertahan lama.

Bagaimanakah caranya bersyukur itu? Disamping mengucapkannya dengan lidah kita juga dituntut untuk bersyukur melalui 'urustadbir' di dalam kehidupan. Kerana itulah kita memerlukan kerajaan dan dalam kerajaan itu pula terdapat jentera yang terdiri daripada para pemimpin dan pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah mereka.

Di tangan merekalah terutama para pemimpin kewajipan untuk membawa negara ini menjalani amalan bersyukur iaitu melalui pimpinan dan urustadbir mereka dalam kerajaan.

Salah satu dari ciri bersyukur itu ialah dengan melaksanakan keadilan. Kerana keadilan adalah segala-segalanya. Tanpa keadilan, semua kebajikan akan jauh atau menarik diri daripada kita.

Oleh itu satu peringatan perlu disebut di sini bahawa sesiapa jua yang dilantik atau terpilih menjadi pemimpin, mereka itu adalah berkewajipan untuk menjalankan keadilan. Tempat tumpahnya keadilan ialah ke atas rakyat bukan kepada diri sendiri. Adapun kepentingan diri sendiri itu bukanlah keadilan tetapi keadilan.

Sebab itulah kadang-kadang bersedia mendengar suara orang di bawah atau menerima idea-idea yang baik atau keluhan atau rintihan mereka dapat dianggap sebagai ciri melaksanakan keadilan.

Dalam pada itu mesti pula diingat bahawa tafsiran keadilan itu bukanlah mengikut kata hati tetapi mesti berpandukan lunas-lunas yang betul daripada ugama, undang-undang dan etika.

Selain itu turut perlu difahami bahawa kabinet adalah ibarat sebuah perahu dan para menteri pula adalah pekayuh-pekayuhnya. Sebagai pekayuh, mereka adalah satu pasukan dan berperanan untuk pasukan, bukan untuk diri masing-masing.

Kerana itu walaupun berlainan kementerian namun mereka tetap di dalam satu pasukan yang mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk memakmurkan negara. Sebagai sifat satu pasukan, mereka diperlukan agar turut menyumbang atau sekurang-kurangnya menyokong apa-apa jua gagasan atau rancangan yang baik bagi sesebuah kementerian itu semata-mata bagi kebaikan negara.

Beta berharap barisan pemimpin akan datang tidaklah akan mengabaikan etika berpasukan serta juga dikehendaki supaya bijak membuat perhitungan atau tafsiran mengenai sesuatu perkara yang ada kaitan dengan negara dan kerajaan.

Dengan bertawakal kepada Allah serta memohon petunjuk-Nya maka inilah beta umumkan rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan beberapa lantikan lain seperti berikut:

1. Beta sendiri menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan juga Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.
2. Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.
3. Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai Menteri Pendidikan.
5. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).
6. Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).
7. Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.
8. Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.
9. Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah sebagai Menteri Pembangunan.
10. Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong sebagai Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

11. Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat sebagai Menteri Perhubungan.
12. Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
13. Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi sebagai Menteri Kesihatan.
14. Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
15. Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
16. Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Mohd Tamit sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.
17. Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd Hanifah sebagai Timbalan Menteri Kewangan.
18. Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kewangan.
19. Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yusof sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.
20. Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.
21. Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan
22. Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar sebagai Timbalan Menteri Pembangunan.

Pelantikan adalah bermula daripada hari ini, Khamis, 9hb Muharram 1437 bersamaan dengan 22hb Oktober 2015 bagi tempoh selama 5 tahun.

Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Perlu beta ingatkan bahawa lantikan-lantikan ini adalah amanah. Amanah itu sifatnya adalah sangat berat kerana ianya merangkumi tugas dan kewajipan bagi menegakkan keadilan. Ke arah itu ianya perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab, jujur lagi ikhlas dengan penuh taat lagi setia.

Untuk akhirnya beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Konvokesyen Kali Ketiga Bagi
Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-24
Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
pada hari Sabtu, 18 Muharam 1437 Hijrah /
31 Oktober 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2015.

Mula-mula beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah ini juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa meniupkan semangat cintakan ilmu kepada para graduan.

Beta difahamkan bahawa majlis konvokesyen kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi program Ijazah Sarjana secara penyelidikan atau *Masters by Research* yang merupakan satu lagi pencapaian cemerlang bagi ITB. Beta juga mengambil maklum bahawa kemasukan pelajar ke ITB dari dalam dan luar negara bagi program lepasan ijazah telah meningkat dua kali ganda pada tahun ini berbanding tahun yang lepas. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan terhadap ITB.

Memang perlu bagi ITB bercita-cita lebih tinggi untuk mendapatkan kedudukan sebanding dengan institusi-institusi terkemuka di dunia. Untuk ini ITB perlu mempunyai keazaman dan sistem pengajiannya yang berkualiti.

Ini semakin relevan dengan negara turut mengalami tempias iklim ekonomi global yang tidak menentu. Kita mahu generasi masa kini mempunyai pendidikan tinggi untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sehubungan dengan ini adalah wajar bagi ITB untuk memberikan keutamaan dengan menawarkan kursus-kursus yang *leading edge* bagi memastikan pengeluarannya mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beta dengan ini menyarankan agar ITB dan institusi-institusi pengajian tinggi lainnya melibatkan *stakeholders* yang berkaitan supaya segala inisiatif seperti pendidikan dan penyelidikan akan sentiasa relevan dan menyeluruh.

Menyentuh penglibatan *stakeholders*, beta gembira mengetahui bahawa terdapat pihak industri dari dalam dan luar negara yang menerima pelajar-pelajar ITB bagi tujuan penempatan yang dipanggil *Experience Plus* dengan perbelanjaan ditaja sepenuhnya oleh industri atau dikongsisama oleh ITB. Melalui pendekatan *hands on* ini akan melengkapkan lagi para graduan untuk menjadi graduan *job-ready*.

Di samping itu beta juga suka menyarankan agar ITB dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain terus berganding bahu dan bekerjasama dengan industri, sektor perniagaan dan *stakeholder* kerajaan dalam mengembangkan ekosistem penyelidikan dan perkembangan.

Universiti tidak diragukan lagi memainkan peranan penting dalam membina bakat atau *talent* untuk menjana ekonomi negara. Sebab itu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang sedia ada, adalah dihasratkan untuk mereka yang benar-benar layak sahaja. Ini penting kerana impaknya memberi kesan besar dan langsung kepada pencapaian visi ITB serta menjadi pemangkin kepada pembangunan insan dan negara.

Secara khusus beta ingin menyebut di sini peranan pendidikan dalam negara sedang membangun. Tidak diragukan lagi Brunei kini adalah sebuah negara sedang membangun dan selaku negara sedang membangun sasaran utamanya ialah untuk mencapai taraf “negara maju”.

Dalam menuju sasaran ini negara tentu saja memerlukan pelbagai rancangan kemajuan termasuk rancangan dan pelaksanaan di bidang pendidikan.

Maka dalam kesempatan ini beta ingin mengingatkan supaya pihak berkenaan janganlah sekali-kali terbabas daripada landasan luhur: MIB apabila kita merancang sesuatu rancangan untuk pendidikan.

Demikian juga apa-apa yang sudah sedia ada janganlah lalai daripada mengulang kaji. Mana-mana yang baik dikekalkan tetapi jika terdapat sesuatu yang bertentangan dengan falsafah atau konsep MIB maka itu semua tidaklah wajar didiamkan melainkan ianya perlu diulang kaji semula dan diperbaiki.

Akhirnya beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang sama-sama kita raikan pada pagi ini. Beta juga penuh berharap dengan kejayaan ini para graduan akan menyumbangkan khidmat bukan sahaja kepada kerajaan malahan juga kepada ugama, bangsa dan negara.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga Institut Teknologi Brunei yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala pengorbanan mereka dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2015
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69
di Pusat Persidangan Antarabangsa
pada hari Isnin, 27 Muharram 1437 Hijrah /
9 November 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadir di majlis yang bersukut baik ini.

Beta sangat teruja mengalu-alukan kehadiran para tetamu khas dari luar negara yang telah sudi bersama-sama memeriahkan majlis ini dan juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penganjur Bersama, Negara Brunei Darussalam dan Rabitah al-'Alam al-Islami serta para pembentang kertas yang terdiri daripada para ilmuwan di dalam dan luar negara.

Beta melihat majlis ini adalah sangat-sangat bermakna dari sudut semangat dan tujuannya untuk memenuhi tuntutan ugama supaya kita mengadakan permuzakarah dan perbincangan dalam bidang-bidang keilmuan.

Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab para ilmuwan bagi menghidupkan ilmu itu dan menghidangkannya kepada umum. Masyarakat sangat berhajat kepada ilmu kerana ilmu itu adalah suluh yang menerangi kehidupan dan santapan bagi rohani.

Ilmu tidak akan mekar tanpa digilap. Adapun perbincangan ataupun permuzakarah adalah salah satu cara menggilap ilmu. Oleh itu beta amat gembira kerana Brunei Darussalam pada hari ini turut menyumbang ke arah menggilap ilmu itu.

Beta berharap para ilmuwan yang terlibat dengan 'Usaha Besar' ini akan dapat merealisasikan peranan mereka selaku da'i, guru dan pembimbing yang dirahmati Allah.

Sepatah kata yang dituang ke atas kertas atau ucapan oleh lidah adalah ia cahaya dari ilmu dan bayangkan kalau kata-kata itu terbentuk menjadi sebuah kertas kerja atau ucapan panjang maka tidak syak lagi ia adalah cahaya berlapis cahaya.

Demikianlah hebatnya ilmu itu. Beta tidak ragu majlis pada hari ini dan yang berikutnya untuk beberapa hari selanjutnya, insyaaAllah akan dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang berguna untuk jadi rujukan dan panduan kita bersama.

Beta suka menyarankan supaya para ilmuwan perlu berdiri teguh selaku ilmuwan sejati untuk menulis dan bercakap semata-mata berlandaskan ilmu pengetahuan jua tanpa dipengaruhi oleh lain-lain elemen.

Tentang wasathiyah, kita sudah banyak mendengarnya tetapi menurut hemat beta tidaklah salah kalau kita terus memperkatakannya berdasarkan ilmu itu adalah amat luas, tiada sempadannya.

Demikianlah kita boleh saja terus menggali apa yang ada dalam wasathiyah itu. Apa ia yang sebenarnya? Apa isi dan falsafahnya? Semua itu sangat mustahak dan berguna untuk diketahui.

Andainya terdapat sebarang perbezaan pendapat maka itu adalah perkara biasa dan malah oleh ugama ia masih dianggap rahmat. Namun ugama sendiri juga membimbing supaya orang-orang yang bercanggah pendapat jika ada hendaklah mereka itu kembali kepada Al-Qur'an dan al-Hadits.

Adapun tunduk kepada Al-Qur'an dan al-Hadits itu memang ia dituntut oleh ugama sebagai wajib. Kerana inilah sahaja satu-satunya jaminan untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Namun sayugia diingat di sana terdapat banyak ayat Al-Qur'an dan al-Hadits yang tidak jelas pengertiannya yang memerlukan tafsiran. Lalu untuk itu ia pun sangat mustahak untuk ditafsir. Tetapi sungguhpun begitu bukanlah dengan sesuka hati membuat tafsiran melainkan patut diserahkan kepada mereka yang layak dan berhak melakukannya terdiri dari kalangan para ulama muktabar dan ahli tafsir jua.

Di sinilah kita perlu melihat mana tafsiran yang benar-benar mengikut kaedah atau formula keilmuan dan mana yang tidak. Ini boleh dibezakan dari sudut kaca mata. Kaca mata ulama dan kaca mata bukan ulama tentu saja ia berbeza.

Maka oleh itu kenalah kita orang-orang Islam perlu bersikap lebih bijaksana dalam membuat penilaian dan cara terbaik membuat penilaian itu ialah dengan berpandukan kepada sumber-sumber asal Al-Qur'an dan al-Hadits serta qaul ulama.

Beta penuh percaya jika ia diikuti dengan semua pihak bersedia menerima persepsi yang benar maka impaknya adalah hebat untuk kebaikan bersama.

Sebagai cara menagih berkat, turut mengisi Majlis Ilmu 2015 ini ialah Upacara Memulakan Penulisan Mushaf Al-Qur'an Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Semoga dengan ini Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan hidayah-Nya untuk kita semua. Amin.

Dengan lafaz Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad Wa 'Alaa Aali Sayyidinaa Muhammad, beta dengan sukacita melancarkan Penulisan Mushaf KUPU SB dan sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2015 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam kali Ke-22
1437 Hijrah / 2015 Masihi
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas pada hari Selasa, 12 Safar 1437 Hijrah /
24 November 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula berkumpul dalam Majlis Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22 pada pagi ini.

Selaku tulang belakang kerajaan warga Perkhidmatan Awam berperanan besar untuk memperkemas dan memperlicin urusan tadbir negara.

Salah satu faktor ke arah itu ialah dengan mengukuhkan kepimpinan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kepimpinan adalah sangat penting di samping kemahiran.

Pemimpin yang berkualiti bukan saja mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja pembaikan atau pembaharuan yang perlu. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki. Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.

Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang-orang di bawah mereka. Ini sangat penting bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.

Dalam aktiviti perekonomian umpamanya warga Perkhidmatan Awam sangat perlu memahami keperluan orang ramai terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan

pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal bererti ini adalah kegagalan kerajaan.

Dalam kesempatan ini beta ingin menyebut tentang Laporan Bank Dunia ke atas peningkatan kedudukan terkini negara dalam *Index Ease of Doing Business*. Kedudukan negara kita dikatakan meningkat daripada 105 anak tangga kepada 84 anak tangga. Ini tidak syak lagi adalah satu pencapaian yang menggalakkan.

Beta mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang bekerja keras dalam memperbaiki kedudukan tersebut khususnya peneraju-peneraju dan Unit PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri. Kita memang berhajat untuk benar-benar *pro-business* dan dikenali sebagai negara terbaik bagi perniagaan.

Kunci utama untuk itu ialah budaya suka berubah. Ia perlu untuk penjawat-penjawat awam. Jika budaya ini gagal diterapkan maka agensi-agensi kerajaan tidak akan dapat memperkemas kerja masing-masing ke arah yang lebih baik dan cemerlang.

Dunia kita sekarang sedang berada dalam kemelut ekonomi. Inilah masanya warga Perkhidmatan Awam mempelopori langkah berjimat cermat di samping meningkatkan komitmen dan usaha memajukan negara untuk hari ini dan juga untuk masa depan cucu kita.

Dari aspek pelaksanaan dasar-dasar negara pula beta mengulangi lagi supaya kementerian-kementerian bersikap lebih proaktif dengan meningkatkan penyelarasan melalui pendekatan *whole-of-nation* di semua peringkat.

Namun semua ini memerlukan pemantauan yang rapi untuk mengetahui maklumat, data dan perangkaan yang lengkap dan tepat. Oleh itu semua agensi perlu meningkatkan kapasiti masing-masing dalam pengumpulan dan penganalisan maklumat itu.

Dalam menjalani budaya kerja, turut dipentingkan ialah prestasi dan produktiviti. Sistem penilaian prestasi adalah bertitik tolak pada pencapaian hasil kerja. Jika ia baik dan memuaskan maka itulah prestasi yang cemerlang.

Beta merasa gembira dan mengalu-alukan usaha Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti sistem penilaian prestasi yang baru termasuk menyesuaikan dengan amalan-amalan terbaik atau *best-practices*. Sistem penilaian ini diharapkan akan dapat membantu perubahan minda Perkhidmatan Awam yang lebih kompetitif dan seterusnya meningkatkan lagi produktiviti kerajaan. Beta berharap sistem baru ini akan diguna pakai secepat mungkin.

Dalam hubungan ini para penyandang Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang yang kita raikan pada hari ini adalah merupakan contoh terbaik untuk jadi ikutan bagi setiap penjawat awam. Beta tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara di atas segala khidmat bakti mereka kepada kerajaan dan negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan membalas mereka dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Bersama Rakyat Dan Penduduk
Negara Brunei Darussalam
Yang Berada Di United Kingdom Dan Northern Ireland
dan Penganugerahan Biasiswa “The Chancellor’s
Scholar” Universiti Brunei Darussalam
Bagi Sesi 2015/2016, London, United Kingdom
pada hari Ahad, 01 Rabiulawal 1437 Hijrah /
13 Disember 2015 Masihi**

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,

Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu ‘AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’dhu.

BETA bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dapat pula bersama-sama dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di United Kingdom dan Ireland Utara, penuntut, pegawai kerajaan dan mereka yang sedang dalam percutian bersama keluarga.

Menerusi perjumpaan ini membukakan peluang bagi beta untuk mengetahui secara lebih dekat perkembangan para pelajar di sini terutama mengenai kemajuan dan susah-senang yang sedang mereka lalui.

Ini penting bagi memastikan para pelajar adalah tidak ke mana-mana melainkan semata-mata bulat kepada pengajian sahaja bukan kepada yang lain-lain.

Khusus dalam era hari ini macam-macam perkara boleh berlaku yang boleh memalingkan seseorang daripada tanggungjawabnya kepada sesuatu yang tidak berfaedah lagi merugikan.

Kewajipan para pelajar tidak ada dua tiga melainkan cuma satu sahaja iaitu untuk belajar dan lulus dalam pengajian.

Mereka perlu sedar bahawa mereka adalah aset negara dan selaku aset mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau susut nilai maka itu bukan lagi bernama aset.

Para pelajar mesti memahami ini. Mereka mesti betul-betul faham akan kedudukan “sistem nilai”. Kita berada di negara orang lain adalah semata-mata untuk mengambil ilmu bukan untuk mengambil budaya atau cara hidup mereka.

Iniilah cara yang betul bagaimana kita memelihara dan mempertahankan sistem nilai kita.

Untuk lebih menjelaskan lagi mengenai dengan sistem nilai ini, kita sekarang Alhamdulillah sedang diberkati oleh Allah dengan sistem Pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB).

MIB inilah sistem nilai kita. Di manapun kita berada MIB tetap bersama-sama dengan kita. Janganlah ia disembaranakan. Menyembaranakan MIB bererti menyembaranakan sistem nilai kita.

Tunjang MIB ialah ajaran Islam tulen. Jangan kita berganjak dari ajaran ini. Peganglah ia kuat-kuat tanpa perlu menoleh atau melihat ke mana-mana lagi.

Iniilah warisan turun temurun, kita mesti berbangga dengannya.

Awat! Dunia sekarang ini macam-macam ada termasuk ramai penjaja-penjaja ajaran dan ideologi. Mereka ini bergerak ke sana dan ke mari untuk mempromosi ajaran dan ideologi, dengan cara yang pelbagai. Ada dengan cara tulisan dan tidak kurang juga melalui lisan.

‘Fokus’ atau sasaran mereka ialah masyarakat khususnya para belia dan pelajar. Moto mereka yang popular ialah “pembaharuan”. Mereka mengajak untuk berubah sambil menolak yang lama dengan alasan yang lama itu sudah tidak sesuai lagi dengan zaman.

Beta mengingatkan kepada para pelajar khususnya dan masyarakat amnya supaya jangan cepat-cepat terpengaruh atau termakan “gula-gula” mereka yang beracun itu tetapi pergilah merujuk kepada pihak-pihak berautoriti untuk mendapatkan penerangan atau kepastian yang sebenar-benarnya.

Mengambil peluang di sini beta sukacita mengucapkan tahniah kepada 2 orang pelajar yang terpilih di bawah Skim Biasiswa “The Chancellor’s Scholar” Universiti Brunei Darussalam Sesi 2015/2016 dalam pengajian peringkat PhD di insituti terkemuka di dunia.

Beta berharap penerima-penerima anugerah ini akan terus fokus kepada matlamat mereka selaku pelajar disamping tidak lupa untuk memelihara jati diri mereka selaku orang Brunei dan buktikan bahawa mereka juga mampu untuk melakar kejayaan dan kecemerlangan di dalam bidang mereka masing-masing.

Untuk akhirnya beta turut mendoakan semoga para pelajar dan pegawai yang sedang berada di sini akan sama-sama berjaya menunaikan tanggungjawab masing-masing serta beroleh kesejahteraan dan keselamatan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad
Sallallahu ‘Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015
Masihi pada hari Rabu, 12 Rabiulawal 1437 Hijrah /
23 Disember 2015 Masihi**

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,
Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu ‘AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin
Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’dhu.

SEBAGAI hamba Allah yang tahu menghargai nikmat Allah terhadapnya maka kita sangatlah wajar bersyukur di atas limpah kurnia Allah mengutus Nabi-Nya Yang Mulia, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ke alam maya ini.

Dengan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, dunia ini telah bertukar rupa dari gelap-gelita kepada terang-benderang. Jiwa buas manusia dapat dijinakkan menjadi lebih tenang dan bertimbang rasa.

Iniilah berkat kerasulan Nabi Muhammad selaku pelita dan rahmat. Baginda benar-benar menjadi rahmat kepada seluruh alam (Rahmatan Lil’aalamin). Iniilah rahsia Allah mengutus Baginda.

Kita yang menerima rahmat dan nikmat ini tidak ada sebab untuk tidak memperingati hari keputeraan Baginda selaku pembawa rahmat tersebut. Iniilah namanya kita bersyukur sambil mengenang jasa.

Orang yang bersyukur dan pandai mengenang jasa adalah orang baik dan malah Allah sangat menyukai mereka. Lagipun apabila kita memperingati detik bersejarah ini kita bukan mengisinya dengan perkara sia-sia tetapi dengan perkara-perkara yang disuruh oleh ugama sendiri seperti berselawat dan berzikir atau mengadakan majlis-majlis ceramah dan kuliah.

Jadi kalau ada pendapat yang tidak bersetuju kita memperingati hari keputeraan Nabi dan lain-lain hari kebesaran Islam seperti menyambut Awal Tahun Hijrah adalah itu pendapat yang ‘lemah’.

Beta terus mengingatkan supaya jangan berhenti dari melakukan amalan tradisi memperingati hari-hari kebesaran Islam biarpun orang lain tidak melakukannya. Kita melakukan ini adalah sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia di samping mengambil manfaat daripadanya.

Islam adalah agama tertinggi yang menghulurkan kebajikan kepada siapa saja. Ia perlu terus dilihat dan dikenali sebagai agama terbaik. Kerana itu jangan takut mempromosi Islam sebagaimana Allah sendiri mempromosinya di dalam Surah Ali 'Imran ayat 19 tafsirnya:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.”

Ini adalah promosi mutlak daripada Allah mengenai Islam. Ia sudah tidak boleh dipertikaikan lagi kerana pengakuan ini bukannya dari siapa-siapa melainkan daripada Allah sendiri. Jika ada orang yang mahu menyangkalnya maka itu adalah satu 'keceluparan' di sisi Maha Pencipta.

Islam selama-lamanya adalah benar dan Islam selama-lamanya tidak pernah membuat sebarang kesalahan. Adapun yang bersalah itu ialah orang. Jadi yang dicela bukanlah Islam tetapi patut dicela ialah siapa yang mencela Islam.

Ini mustahak difahami oleh setiap individu khasnya orang-orang Islam sendiri supaya tidak berbangkit akan ada pihak-pihak yang keliru yang memandang serong kepada Islam.

Islam tidak terlibat atau sama sekali tidak boleh dilibat-libat dengan keburukan. Ia tetap agama samawi yang semata-mata hanya menjana kebaikan. Jika terjadi sebarang keburukan seperti jenayah dan lain-lain maka itu bukanlah dari ajaran Islam. Ajaran Islam adalah sebaliknya, sangat kuat memelihara darah, nyawa, keturunan, harta benda dan maruah.

Siapa yang mengenalkan semua ini kepada kita? Jawabnya tidak lain ialah Nabi Pesuruh Allah, Sayidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Oleh itu sangatlah perlu Baginda itu dikenang selalu untuk mengilhami kita meneruskan usaha-usaha suci memelihara Islam dan kesejahteraan sejagat.

Semoga dengan berkat niat baik kita ini, Brunei Darussalam akan terus dilimpahi dengan rahmat berupa keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

